

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN ZURAIHAH BINTI MOKHTAR,  
ARTIS VETERAN TAHUN 80AN  
MENGENAI BIOGRAFI DAN PENGALAMAN BELIAU SEBELUM  
DAN SELEPAS BERGELAR ARTIS**

**AMAR IZZAT BIN MOHD NASIR**

**(2020465686)**

**NORASHIKIN BINTI MOHD SHUKERI**

**(2020465088)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022**

## ISI KANDUNGAN

	<b>Isi Kandungan</b>	<b>M/S</b>
<b>Nombor Roman</b>	<b>Abstrak</b> <b>Penghargaan</b> <b>Senarai Abreviasi</b> <b>Senarai Singkatan</b> <b>Rujukan Kata</b>	i-viii
<b>1.0</b>	<b>Biodata Penembual</b> 1.1 Penembual Pertama 1.2 Penembual Kedua	1-3
<b>2.0</b>	<b>Biodata Tokoh</b> 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	4-7
<b>3.0</b>	<b>Sejarah Lisan</b> 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	8-11
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur</b> 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	12,13
<b>5.0</b>	<b>Transkrip Temu Bual Bersama Tokoh</b>	14-75
<b>6.0</b>	<b>Log Temu Bual</b>	76-86
<b>7.0</b>	<b>Ralat</b>	87,88
<b>8.0</b>	<b>Glosari</b>	89-95
<b>9.0</b>	<b>Indeks</b>	96-102
<b>10.0</b>	<b>Bibliografi</b>	103-114
<b>11.0</b>	<b>Lampiran</b> 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar dan bahan lain yang berkaitan	115-130

## I. ABSTRAK

*Transkrip yang dihasilkan ini bertujuan untuk membincangkan berkaitan biografi seorang artis veteran yang telah mula bergiat aktif dalam industri nyanyian pada era 80an sehingga ke hari ini. Transkrip ini mengungkap latar belakang dan pengalaman seorang anak seni dalam industri nyanyian iaitu Puan Zur Eda yang merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur. Artis veteran semakin dilupakan dan ramai generasi muda yang tidak tahu tentang kewujudan mereka. Lantaran itu, tujuan transkrip ini dihasilkan untuk memberi input dan inspirasi kepada generasi yang akan datang berkaitan pahit manis pengalaman serta kisah inspiratif yang dikongsikan oleh Puan Zur Eda sendiri. Menerusi temubual yang dilakukan pengkaji bersama Puan Zur Eda, temubual ini lebih memfokuskan kepada biografi dan pengalaman Puan Zur Eda sepanjang bergelar artis selama 38 tahun di industri hiburan Malaysia. Kajian ini boleh digunakan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik, pelajar mahupun orang awam. Oleh yang demikian, pengkaji berharap temubual dan hasil kajian yang dilakukan bersama artis veteran ini akan memberi maklumat yang lebih terperinci dan ilmu yang baru khususnya kepada peminat Puan Zur Eda dan para pembaca yang lain mengenai jatuh bangun serta kisah disebalik kejayaan Puan Zur Eda pada hari ini.*

*Kata kunci: artis, artis veteran, penyanyi, industri hiburan, seni, bidang nyanyian*

## ABSTRACT

*The transcript is intended to discuss the biography of a veteran artist who has been active in the singing industry in the 80s to the present day. This transcript reveals the background and experience of an artist in the singing industry, namely Puan Zur Eda who was born in Kuala Lumpur. Veteran artists are increasingly forgotten and many of the younger generation are unaware of their existence. Therefore, the purpose of this transcript was produced to provide input and inspiration to future generations related to the bittersweet experiences and inspirational stories shared by Mrs. Zur Eda herself. Through an interview conducted by the researcher with Puan Zur Eda, this interview focuses more on the biography and experience of Puan Zur Eda during her 38 years as an artist in the Malaysian entertainment industry. This study can be used as reference material for researchers, students and the general public. Therefore, the researcher hopes that the interviews and research conducted with this veteran artist will provide more detailed information and new knowledge, especially to fans of Puan Zur Eda and other readers about the ups and downs and the story behind Puan Zur Eda's success today.*

*Keywords: artists, veteran artists, singers, entertainment industry, art, singing field*

## II. Penghargaan

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan berkat limpah kurnia-Nya, kami mampu menyempurnakan tugas temubual dan transkrip di bawah kursus Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) dengan bantuan artis veteran yang telah kami pilih. Alhamdulillah temubual ini berjalan dengan lancar sesuai dengan tarikh dan waktu yang telah ditetapkan.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Zuraidah Binti Mokhtar atau lebih dikenali sebagai Puan Zur Eda kerana telah membantu kami dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam proses menyempurnakan tugas ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Zur Eda yang sanggup meluangkan masa pada hujung minggu untuk ditemubual oleh kami serta berkongsi cerita, latar belakang dan pengalaman beliau sepanjang bergelar anak seni. Turut tidak dilupakan, Cik Sarah yang merupakan pembantu peribadi kepada Puan Zur Eda yang menjadi orang kuat dalam membantu kami bagi mendapatkan persetujuan oleh Puan Zur Eda untuk ditemubual.

Seterusnya, sejambak mawar, seharum kasturi di ucapkan kepada pensyarah kami yang menjadi tulang belakang disebalik penghasilan transkrip ini iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin. Terima kasih kepada pensyarah kami kerana beliau seorang yang sangat komited dan bertanggungjawab dalam membantu kami dari hari pertama tugas ini diberikan sehinggalah ke hari terakhir sesi penghantaran tugas ini. Setiap garis panduan serta ilmu yang diberikan adalah sangat lengkap, terperinci dan padat. Hasil berkat daripada bimbingan dan bantuan daripada beliau, alhamdulillah kami berhasil menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Akhir sekali, tidak lupa kepada rakan-rakan sekelas kami yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan transkrip ini. Setiap bantuan dan dorongan yang diberikan amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

### III. Senarai Abreviasi

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
<b>ASP</b>	Australia Singapore Poland
<b>BFF</b>	Best Friend Forever
<b>BMG</b>	Burma Malaysia German
<b>CD</b>	Compact Disc
<b>DJ</b>	Disc Jockey
<b>FELDA</b>	Federal Land Development Authority
<b>GV</b>	Gegar Vaganza
<b>GV3</b>	Gegar Vaganza Musim Ke-3
<b>ICU</b>	Intensive Care Unit
<b>KL</b>	Kuala Lumpur
<b>PETRONAS</b>	Petroliam Nasional Berhad
<b>PIBG</b>	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
<b>RTM</b>	Radio Televisyen Malaysia
<b>SMK</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>TV</b>	Televisyen

#### **IV. Senarai Singkatan**

ZE: ZUR EDA

NMS: NORASHIKIN BINTI MOHD SHUKERI

AIMN: AMAR IZZAT BIN MOHD NASIR

## V. ujukan Kata

Ambik	Ambil
Apani	Apa ini
Ape	Apa
Bikin	Buat
Dah	Sudah
Dengor	Dengar
Diorang	Mereka
Duk	Duduk
Dulu	Dahulu
Giler	Gila
Gini	Ini
Gitu	Itu
Gomen	Government / kerajaan
Gua	Awak
Hang	Awak
Harini	Hari ini
Haritu	Hari itu
Jer	Sahaja
Ka	Adakah
Kalut	Tidak tenang
Kang	Nanti
Karang	Nanti
Kat	Dekat
Kejap	Sekejap
Kepayahan	Kesusahan
Korang	Kamu semua
Kot	Mungkin
Lani	Sekarang
Laghi	Lari
Lemari	Almari



Loqstaq	Alor Setar
Manatau	Mana tahu
Mau	Mahu
Nak	Mahu / hendak
Ni	Ini
Nyok	Kelapa
Paham	Faham
Pastu	Lepas itu
Payah	Susah
Pikir	Fikir
Pun	Juga
Rase	Rasa
Reti	Tahu
Saje	Sahaja
Sikit	Sedikit
Situ	(Kata yang menunjukkan) dekat itu
Taik	Tahi
Tak	Tidak
Takde	Tidak ada
Takkan	Tidak akan
Takleh	Tidak boleh
Takmau	Tidak mahu
Taknak	Tidak mahu
Takpe	Tidak apa
Tang	Dekat
Tau	Tahu
Tu	Itu
Tudia	Itu dia
Utaqha	Utara
Wanda	Nenek (Merujuk kepada panggilan orang Negeri Sembilan)
Weh	(Kata untuk menarik perhatian)

Yaka	Adakah betul
Yelah	Ya lah

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## 1. Biodata Penemubual

### 1.1 Penemubual Pertama



<b>Nama</b>	Norashikin Binti Mohd Shukeri
<b>Tarikh Lahir</b>	9 Januari 1999
<b>Tempat Lahir</b>	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu Sabah
<b>Alamat</b>	No 90 JLN WM 3/10 Bandar Behrang 2020, 35900 Tanjung Malim Perak
<b>Email</b>	shikinnora580@gmail.com
<b>Program</b>	IM246
<b>Tempat Belajar</b>	UiTM Kampus Segamat, Johor

## 1.2 Penemubual Kedua



<b>Nama</b>	Amar Izzat Bin Mohd Nasir
<b>Tarikh Lahir</b>	16 Mei 1999
<b>Tempat Lahir</b>	Metro Specialist Hospital, Sungai Petani, Kedah
<b>Alamat</b>	No.11 Taman Desa Murni, Guar Chempedak, 08800 Gurun, Kedah
<b>Email</b>	amarizzat@gmail.com
<b>Program</b>	IM246
<b>Tempat Belajar</b>	UiTM Kampus Segamat, Johor

# **BIODATA TOKOH**

## 2. Biodata Tokoh

### 2.1 Biodata Tokoh



## Zur Eda

PENYANYI VETERAN

### Pendidikan Awal

Sekolah Rendah  
**SK Jalan Temerloh, Kuala Lumpur**  
Sekolah Menengah  
**SMK Jalan Temerloh, Kuala Lumpur**

### Anak Seni

Seorang artis dan penyanyi veteran yang mula bergiat aktif dalam industri hiburan pada awal tahun 80an. Zur Eda atau diberi jolokan "Sade Malaysia" yang turut popular dengan lagunya 'Pelitaku'

### Maklumat Peribadi

#### Nama

- Zuraidah Binti Mokhtar

#### Umur

- 56 tahun

#### Tarikh Lahir

- 24 Ogos 1965

#### Tempat Asal

- Kuala Lumpur

#### Profesion

- Masih aktif menjadi penyanyi sehingga ke hari ini
- Seorang usahawan dalam industri makanan

## 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Nama beliau ialah Zuraidah Binti Mokhtar atau lebih dikenali sebagai Zur Eda. Beliau dilahirkan pada 24 Ogos 1965 di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak pertama daripada tiga adik beradik. Hobi beliau ialah memasak dan gemar mengisi masa lapang bersama keluarga, berjalan dan memasak. Beliau pernah menyimpan cita-cita untuk menjadi seorang pramugari dan usahawan. Beliau mendapat pendidikan sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Temerloh, Kuala Lumpur dan pendidikan sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Titiwangsa. Beliau pernah mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Australia selepas menghabiskan pelajaran Tingkatan 5 namun ditolak oleh beliau.

Menurut Puan Zur Eda melalui sesi temu ramah yang telah direkodkan, beliau mula minat bernyanyi sejak di bangku sekolah lagi. Antara cabaran beliau ketika memulakan karier untuk menjadi penyanyi, ibu beliau lebih ke arah tidak bersetuju ketika beliau berhasrat untuk menjadi penyanyi. Beliau menyatakan bahawa masyarakat zaman dahulu lebih suka jika anak-anak mereka bekerja di bawah agensi kerajaan berbanding swasta kerana masa hadapan akan lebih terjamin.

Beliau bermula menjinakkan diri dalam bidang nyanyian apabila beliau bermula bernyanyi di kelab-kelab malam. Sebelum menjadi penyanyi, beliau suka berniaga dengan bermacam-macam jenis produk. Beliau juga pernah menjadi seorang kerani selama 2 tahun di sebuah syarikat berkonsepkan "Rent-A-Car". Salah satu faktor beliau mahu menjadi seorang penyanyi ialah jiran-jiran beliau yang terdiri daripada artis-artis legenda. Ketika detik pertama Puan Zur Eda menjadi artis rakaman, beliau mula berjinak-jinak memasuki industri pada tahun 1986 dan pada 1987, beliau berjaya menjadi artis rakaman serta merakamkan album pertama beliau di bawah syarikat rakaman ASP Production. Pada tahun 1987 juga, beliau merakamkan lagu pertama beliau iaitu bertajuk 'Pelitaku' bersama dengan ahli kumpulan beliau yang dikenali sebagai 'The Artstream'. Tidak lama selepas itu, beliau bertukar ke syarikat rakaman 'BMG Record' dan merakamkan lagu 'Lama Tak Jumpa'.



Setelah berdiri sebagai artis dan penyanyi veteran selama 38 tahun, beliau berpendapat bahawa terdapat banyak perbezaan berkaitan industri nyanyian dahulu dan sekarang. Beliau lebih suka industri nyanyian pada zaman dahulu kerana ia lebih tulen dan merupakan zaman di mana teknologi-teknologi belum berkembang yang secara tidak langsung memberi kesan positif kepada industri nyanyian pada zaman itu.

# SEJARAH LISAN

### 3. Sejarah Lisan

#### 3.1 Pengenalan

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah dalam mengumpulkan segala maklumat berkaitan peristiwa penting dan memori seseorang tokoh tersebut serta biasanya dijalankan menerusi kaedah wawancara. Pemilihan tokoh-tokoh untuk melaksanakan sejarah lisan ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang, kemahiran serta pengalaman dalam sesuatu perkara serta dapat menyumbang maklumat dan informasi bersejarah menerusi penglibatan tokoh tersebut secara langsung atau tidak langsung (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Secara amnya, sejarah lisan sudah lama dikenali oleh manusia di seluruh dunia. Hal ini kerana, lisan merupakan alat komunikasi yang paling utama serta digunakan bagi mewarisi pengetahuan dan cerita masa lalu kepada generasi akan datang (Abdul Syukur, 2010).

Sejarah lisan apabila diimbis semula memperlihatkan bahawa Herodotus antara individu yang telah mula mempelopori bidang sejarah lisan serta melaksanakan kaedah temu ramah bagi mendapatkan dan mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan peristiwa bersejarah sejak awal lagi. Sehingga ke hari ini, Herodotus dikenali sebagai “Bapa Sejarah” dan merupakan perintis dalam bidang sejarah lisan ini. Selepas Herodotus, Thucydides juga turut menggunakan kaedah temu ramah bagi mendapatkan informasi yang lebih kukuh dan mendalam daripada pihak-pihak atasan seperti pegawai tentera khususnya yang pernah terlibat dalam Peloponnesian War (Seow Han Lin, 2020).

Perkara tersebut telah membuktikan bidang sejarah lisan semakin luas digunakan di serata dunia. Ia merupakan kaedah serta teknik dalam menjalankan penyelidikan moden bagi tujuan untuk menjaga dan memelihara pengetahuan sejarah agar tidak tenggelam ditelan zaman. Perkara ini juga disokong oleh hasil penyelidikan daripada Seow Han Lin (2020) yang merujuk kepada penulisan Abdul Rahman (1996), membuktikan fakta juga telah menyatakan bahawa sejarah lisan memiliki elemen kekuatan yang istimewa kerana ianya mampu untuk menjelaskan secara lebih terperinci berkaitan peristiwa-peristiwa sejarah mahupun peristiwa lama yang telah berlaku abad lamanya. Misalnya, cerita-cerita legenda atau mitos yang sering masyarakat atau generasi-generasi muda perdengarkan oleh atuk dan nenek. Lantaran itu, untuk membuktikan cerita tersebut benar atau tidak, sejarah lisan ada jawabannya.

### 3.2 Objektif Sejarah Lisan

Sejarah lisan ialah satu cara di mana memori-memori seseorang tokoh yang direkodkan melalui wawancara (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Menurut Seow Han Lin (2020), sejarah lisan juga adalah salah satu cara yang dipergunakan dalam pengkajian sejarah bagi memperolehi dan membuktikan kebenaran sesebuah fakta sejarah yang didapati juga di mana sangat penting dalam merekodkan peristiwa lepas yang dilalui oleh seseorang individu.

1. Objektif pertama ialah untuk mengkaji perjalanan karier tokoh penyanyi veteran Zur Eda dari permulaan menceburi dalam bidang nyanyiannya hingga ke hari ini. Sejarah lisan ialah sangat tinggi nilainya dalam menolong menyampaikan gambaran yang lebih jelas dan lengkap kepada sesuatu perkara (Seow Han Lin, 2020).
2. Selain itu, untuk menganalisis jenis-jenis lagu dan keluaran yang dihasilkan oleh tokoh penyanyi Zur Eda dan pesanan yang ingin disampaikan olehnya. Menurut Nadzan Haron (1979), perbincangan yang dituliskan ialah apa yang diperlukan sahaja, maka tulisan berikutlah yang akan dijadikan sebagai sumber sejarah oleh pengkaji.
3. Seterusnya, untuk merekodkan sumbangan yang diberikan oleh penyanyi veteran Zur Eda kepada industri nyanyian dan merungkai perancangan yang ingin dilakukan olehnya pada masa hadapan.

### 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Industri hiburan khususnya bidang nyanyian di Malaysia telah lama bertapak di negara ini. Bidang nyanyian di Malaysia telah melahirkan ramai penyanyi-penyanyi yang berbakat, legenda dan tersohor. Penyanyi legenda dan veteran telah menjadi salah satu penyumbang kepada kejayaan industri nyanyian di Malaysia dan antarabangsa. Cerita di sebalik kejayaan dan pengalaman penyanyi-penyanyi veteran ini mampu menjadi sumber rujukan dan inspirasi oleh anak-anak seni yang baru mula berkecimpung di industri nyanyian pada hari ini. Zaman semakin beralih, kewujudan artis veteran semakin dilupakan serta bakat mereka yang turut dipandang rendah oleh segelintir individu (Berita Harian, 2021). Justeru, wujud lah kaedah sejarah lisan yang pada dasarnya untuk mengumpul segala maklumat, mencatat setiap pertuturan yang dituturkan oleh seseorang individu berkaitan pengalaman dan pengetahuan mereka dalam sesuatu bidang (Rozeman Abu Hassan, 2004).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007), sejarah lisan ini wujud untuk memberi dan menyampaikan maklumat yang sahih serta memberi sumbangan dan kebaikan kepada masyarakat. Kaedah sejarah lisan dilakukan menerusi kaedah wawancara. Sepanjang sesi temu bual tersebut, pengkaji atau penemubual akan merakam wawancara tersebut untuk dijadikan sebagai bahan bukti yang kukuh dan membantu dalam proses penghasilan transkrip. Perkara ini akan dapat mengelakkan daripada berlakunya penyebaran berita palsu yang boleh mendatangkan keburukan kepada kedua-dua belah pihak dan kaedah ini lebih efektif bagi tujuan pembelajaran. Dalam kata lain, sejarah lisan ini mampu mengukuhkan sumber primer. Fakta sejarah akan kekal menjadi fakta dan tidak boleh dibahas atau dipertikai oleh masyarakat dan generasi baharu (Seow Han Lin, 2020).

Sejarah lisan ini sangat unik dan bernilai untuk masyarakat membaca dan melihat dari perspektif yang luas. Sejarah lisan sangat membantu dalam memberi gambaran yang lebih terperinci dan konklusif berkaitan sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku. Secara amnya, kaedah mengumpulkan segala sumber-sumber lisan bagi tujuan sejarah lisan ini adalah sangat penting kerana ia akan didokumentasikan menjadi sebuah dokumen bersejarah yang menjadi tatapan umum buat selama-lamanya, dan mereka yang mewarisi peristiwa sejarah itu tidak akan kekal selama-lamanya bak kata pepatah “Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”.

# KAJIAN LITERATUR

## **4. Kajian Literatur**

### **4.1 Topik 1: Industri Kreatif Negara**

Kerajaan Malaysia mentakrifkan industri kreatif dalam konteks Malaysia sebagai “penggembengan dan penghasilan kebolehan dan bakat individu atau kumpulan berdasarkan kreativiti, inovasi dan teknologi, yang akan membawa hasil ekonomi yang tinggi dan sumber pendapatan kepada negara, dengan tumpuan kepada aspek intelek, karya dan hak cipta selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaian etnik di Malaysia” (KPKK, 2010: 4). Walaupun industri kreatif merupakan bidang yang sedang berkembang pesat, ia merupakan bahagian penting dalam ekonomi baharu dan berpotensi besar untuk mencipta pendapatan tinggi dan menjadikan ekonomi negara lebih dinamik.

Industri muzik nampaknya belum pulih sepenuhnya daripada ketidakpastian yang meletus menjelang akhir abad kedua puluh. Di sebalik usaha banyak pihak, cetak rompak adalah masalah yang berleluasa dan bahaya besar kepada Industri Kreatif hari ini, terutamanya dengan pertumbuhan teknologi digital. (Saidon, 2013)

### **4.2 Topik 2: Industri Muzik Malaysia**

Di Malaysia, muzik adalah sebahagian daripada seni dalam budaya masyarakat berbilang bangsa dan etnik. Ia terjalin dalam struktur budaya, maka dari segi erti kata, muzik tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat ini dalam kewujudan sesebuah masyarakat dan bangsa. Oleh itu, muzik sebagai salah satu fungsi hiburan dengan mudah boleh menjadi ciri dalam perkembangan semasa industri media Malaysia. Apabila keadaan ini dipermudahkan lagi dalam industri media ia diperkenalkan pada peringkat awal oleh penjajah British yang membangunkan industri itu lebih awal. Apabila radio diperkenalkan, muzik merupakan elemen utama kandungan siarannya. Apabila penyiaran menggunakan pelbagai bahasa untuk khalayak pelbagai etnik, pelbagai jenis bahasa muzik juga dimainkan. (Saari, 2010)

# **TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH**



## 5. Transkrip Temu Bual Bersama Tokoh

### SKRIP PEMBUKAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis veteran dalam bidang industri nyanyian. Bersama-sama kami ialah Puan Zur Eda yang merupakan seorang penyanyi veteran tahun 80an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 14 November 2021 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 3 petang menerusi platform google meet. Temubual ini dikendalikan oleh Amar Izzat dan saya Norashikin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**NMS: Baiklah, Assalamualaikum puan, terima kasih kerana sudi bersama dengan kami pada hari ini.**

**ZE:** Waalaikumsalam pada Norashikin dan juga Amar. Alhamdulillah salam ceria dan salam kasih sayang (sambil menunjukkan bentuk hati) saya buat anda berdua. Alhamdulillah dan sebelum memulakan sesi ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih (meletakkan tangan di dada) atas kerana memilih saya sebagai orang kata untuk program atau pun *what do you call that?* [Apa yang kita panggil tu] untuk *Thesis* [Tesis] *you* [Awak] ni lah. Terima kasih banyak-banyak kerana memilih saya, insyaAllah kita saya cuba berkongsi pengalaman yang saya lalui dalam dunia hiburan.

**NMS: Baik terima kasih puan.**

**ZE:** Ya sama-sama.

**NMS: *Okay* [baik] baiklah puan, jadi kita boleh terus kepada tanyakan soalan kepada puan. Boleh tak puan cuba ceritakan sedikit berkaitan latar belakang diri puan sendiri.**

ZE: Well [baiklah], alhamdulillah pada tanggal sembilan belas [19], sembilan belas [24] haribulan lapan [8], 1955 lahirlah seorang bayi kecil perempuan yang bernama Zur Eda Binti Mokhtar *okay* [baiklah] dan nama saya sebenar pun yang diberi di namakan oleh ayah saya adalah Zuraidah Binti Mokhtar, memang itu nama asal saya. Nama asal saya lah. Dan saya menggunakan nama pentas saya juga dengan nama Zur Eda. Kerana nama tu dah cun dah arwah \_\_ \_\_ bagi nama pada anak sulung perempuan dia ni. Alhamdulillah dan saya juga kalau kata nama gelaran tu dalam *family* [keluarga] tu takde sebab cumanya kita dalam *family-family* [keluarga-keluarga] melayu ni, bila waktu tu memang ramai yang nama Eda. Nama Eda ni memang \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) Eda kecil, Eda sedang. Jadi saya ni Eda besar sebab-sebab mak saya tu anak, anak yang dalam keluarga dia anak yang nombor [tiga] 3 yang melahirkan anak perempuan yang namanya Eda. Yang lain-lain tu adik beradik dia yang lain-lain tu ada lah yang anak buahnya nama Eda juga. Jadi senang nak ingat Eda yang mana? Eda besar ahhh itulah. Jadi walaupun saya kecil orangnya (Puan Zur Eda, Shikin dan Amar ketawa kecil). Emm dan ah saya aaaaa \_\_ \_\_ saya dilahirkan pada dua puluh empat [24] hari bulan Ogos 1955 di Hospital Besar Bersalin Kuala Lumpur [Malaysia].

**NMS: Oooh, lahir di Kuala Lumpur [Malaysia]?**

ZE: Lahir di Kuala Lumpur [Malaysia] dan pada tanggal dua puluh empat [24] Ogos lah 1955 dan dalam adik beradik, saya adalah anak yang sulung, anak pertama daripada tiga [3] orang adik beradik (gangguan rangkain). Dua [2] adik saya yang lain lelaki. So, saya ni seorang jer lah anak perempuan lah. Anak perempuan tunggal dalam *family* [keluarga] tiga [3] beradik \_\_ \_\_. Dan untuk hobi tu waktu lapang, saya ni macam-macam hobi. *But mostly* [tapi kebanyakannya] saya memang suka memasak, berjalan semua orang suka berjalan dan juga saya lebih suka kadang-kadang bersama dengan *family* [keluarga], anak waktu tu kecik-kecik kan. Saya banyak *spend time*

[meluangkan masa] dengan anak-anak dan *trip* [perjalanan] bersama *family* [keluarga] lah. Kerana pekerjaan saya itu sebenarnya sebagai seorang penyanyi saya agak terhad masa saya tu dengan *family* [keluarga]. Jadi bila saya ada kelapangan, saya akan *spend more time* [meluangkan lebih masa]. Saya luangkan banyak masa dengan *family* [keluarga] saya. Saya sangat akrab dengan \_\_\_ (Puan Zur Eda mengalami gangguan internet) kalau buat persembahan tu, saya terpaksa bawa mereka semua. Saya tak pernah tinggalkan mereka dan pada waktu tu juga, emm waktu nak membesarkan anak-anak, saya tidak menggunakan perkhidmatan pengasuh. Saya jaga sendiri, suami jaga sama. Kami bergilir menjaga sebab kita taknak kami bersetuju dalam cara yang mana bila keluarga ni bersama anak-anak tumbesaran dia tu jadi kita nak kita ada waktu dia jatuh, dia bertatih. Kita nak dia ada di depan mata kita. Jadi aaa *mostly* [Kebanyakannya], jiwa dengan *family* [Keluarga] tu lebih lah kalau untuk diri saya ni. Jadi bila ada masa yang lapang, macam masa takde *show* [Pertunjukkan] ke, takde kerja saya banyak *spend time* [Meluangkan Masa] dengan *family* [Keluarga] dan juga kedua orang tua saya, adik beradik. Aaa dia bila jadi kak long ni memang macam tu lah.

**NMS & AIMN: Betul, betul.**

ZE: Dia kena aaa itu salah satu tanggungjawab lah sebagai Kak Long. \_\_\_ (Puan Zur Eda mengalami gangguan rangkain). Berkenaan dengan cita-cita sebenarnya, dah lari sebenarnya cita-cita tapi naluri menyanyi tu memang sentiasa ada dalam jiwa saya dari kecil lagi dari sekolah saya mula berjinak-jinak *because* [sebab] zaman sekolah dulu kita ada PIBG.

**NMS & AIMN: ya betul, betul.**

ZE: Aa *time* [waktu] saya sekolah dulu lah. Tahun...sembilan belas [19] dari sekolah rendah 70an, 80an dan peringkat menengah. Dulu kita banyak aa Persatuan Ibu Bapa dan Guru aaa PIBG kata dia. Sekarang ni saya taktau apa nama persatuan....

**NMS: Masih lagi PIBG**

ZE: Masih lagi menggunakan? (reaksi agak terkejut) Wah alhamdulillah. Okay jadi bila ada setiap, memang kita nanti-nantikan lah untuk persembahan bila ada PIBG tu akan ada aa jualan ada macam karnival semua, karnival kat kantin sekolah jer takdelah besar *you know* [awak tahu], *so* [jadi] dekat sana tu kita *every class* [setiap kelas] setiap *class* [kelas] memang dah *get prepared* [bersedia] \_ \_ \_ \_ (Puan Zur Eda mengalami gangguan rangkaian) nama saya akan naik lah tu Zuraidah mereka panggil dulu Zuraidah, Zuraidah diorang panggil nama penuh memang bahasa baku takde macam sekarang *short form* [kata singkatan] - -, "kau giler" haa takde. Awak nak pergi mana? Aaa zaman memang sangat-sangat berubah lah *you know* [awak tahu], kalau zaman kami dulu memang bahasa dia amat baku lah aa *so* [jadi] bila ni memang saya akan membuat persembahan tiap kali PIBG dan dalam pada itu juga saya ni seorang yang suka *travel* [Melancong] jadi untuk menyimpan cita-cita untuk menjadi *stewardess* [Pramugari] katanya.

**NMS & AIMN: (Norashikin dan Amar Izzat sedang ketawa)**

ZE: Jadi waktu dulu kan, kita fikir yang singkat kalau jadi *stewardess* [Pramugari] tak payah keluar duit, dah boleh pergi melancong bekerja sambil melancong *you know at that time* [awak tahu pada waktu itu]..

**AIMN: Betul**

ZE: Jadi saya suka menjadi *stewardess* [Pramugari] dan saya juga suka berniaga..

**NMS: Ohhh**

ZE: Waktu di sekolah saya \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) meniaga jadi pada kecil dulu tu, kita banyak tolong dia lah meniaga, jadi saya tengok *cash money* [duit tunai], *this is how* [ini adalah cara] orang meniaga *you know* [awak tahu] dia *interest* [minat] saya tu saya kata *you* [awak] lebih kepada dengan pelanggan *you* [awak] berjumpa dengan masyarakat sekeliling *you* [awak] kita jual di kampung kan di rumah kan, lereng rumah, *so* [jadi] kita saya seronok sebab saya ni seorang yang *talkative* [suka bercakap]. Saya seorang yang saya pandang diri saya luar kotak. Saya ni pandang diri saya, saya tau saya ni seorang yang suka bercerita saya ni aa suka dengan orang tua-tua, budak-budak *you know* [awak tahu] jadi untuk menjadi seorang peniaga, ini salah satu kriteria yang kena ada dalam seseorang yang ingin menjadi usahawan atau peniaga kecil-kecilan IKS *you know* [awak tahu].

**AIMN: Haa IKS.**

ZE: Jadi itu antara cita-cita saya \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) prinsip hidup *okay* [baik] saya bila *you* [awak] cakap tentang motivasi, prinsip hidup ni, biar pengalaman mengajar kita mendewasakan kita sebagai seorang manusia, saya juga melalui proses pembesaran, kematangan jadi kadang-kadang setiap manusia tu bahagian dia berbeza, pilihan di tangan dia *okay* [baik] kita ada banyak pilihan tapi pilihan itu ada ditangan kita. Semangat kita, semangat tu datang dari mana? Daripada kegagalan daripada *environment* [persekitaran] sekeliling *you* [awak], daripada kawan-kawan, masyarakat sekeliling *you* [awak], *you know* [awak tahu] jadi saya mengamalkan sikap \_\_ \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) *alright* [baiklah], tabah dan (Puan Zur Eda diam dan sedang berfikir sejenak) semangat yang saya ada tu sebenarnya adalah dari sekeliling saya dan situasi semasa yang saya lalui waktu itu, mengajar saya untuk mematangkan diri untuk lebih banyak menerima, terbuka, menerima dan semangat tu kita yang kena cari kerana kita memilih yang mana. Aku nak jalan terus aku nak jalan ke kiri, aku nak berpeluk tubuh semuanya di tangan kita *alright* [baiklah]. *So* [jadi], alhamdulillah selain daripada berdoa lah dan doa yang paling mustajab adalah doa daripada ibu dan ayah kita kedua orang tua saya, *you know* [awak tahu] saya amat-amat berterima kasih kerana yelah seorang ibu dan ayah yang banyak memberi dorongan dan keliling saya

makcik saya - punya keluarga, suami yang menjadi tulang belakang saya anak-anak saya yang membuatkan saya terus relevan dan masih berdiri dalam industri muzik tanah air dan juga di dalam bidang yang saya ceburi sekarang ni, saya tengah berjinak-jinak untuk menjadi usahawan pemakananan saya berniaga, dulu teringin tapi kita leka kita remaja kita leka *you know* [awak tahu] sebagai remaja saya faham kita tidak boleh lari daripada elemen leka, hanyut *you know* [awak tahu]. *So it's okay you enjoy your life* [jadi, tidak mengapa awak menikmati hidup awak] *you* [awak] kena melalui benda ni pengalaman ni baru *you* [awak] boleh memamatkan diri *you* [awak]. Orang kata betul tapi kalau *you* [awak] tak dengar cakap orang tua *you* [awak] - tak belajar *you* [awak] akan menyesal. Ya kadang-kadang penyesalan itu - - - (gangguan rangkaian) *you know* [awak tahu] dalam segi apa jua pilihan pekerjaan ataupun cara hidup yang mereka pilih.

**NMS & AIMN: Faham...**

**NMS: Okay puan, terima kasih puan sebab cerita serba sedikit latar belakang diri puan.**

ZE: Yes...

**NMS: Tadi puan ada bercakap pasal keluarga menjadi tulang belakang puan kan mungkin puan boleh atau selesa untuk berkongsi cerita pula serba sedikit berkaitan keluarga puan, ibu bapa, suami, anak-anak? (sambil senyum)**

ZE: Okay, saya ibu saya, saya mulakan saya dilahirkan pada dua puluh empat [24] Ogos 1965 tu adalah daripada pasangan Che Mah Binti Mahmod, ibu saya arwah ibu saya dan juga arwah ayah saya Mokhtar Bin Mohamad Nor dan bapa saya adalah seorang kerani di salah sebuah - - - - (gangguan rangkaian) adalah seorang apa saya nak kata, pada asalnya dia adalah seorang *Machine Operator* [Operator Mesin] di sebuah kilang, kemudian berhenti dan menjadi suri rumah tangga lah dengan itu dia melahirkan tiga orang cahaya mata dan saya adalah anak yang paling sulung, dua lagi adik beradik

saya saya ada Zulkifli Bin Mokhtar dan juga Muazzam Bin Mokhtar dan saya seorang saja lah anak tunggal perempuan dalam tiga adik beradik ni. Saya sudah pun berkahwin, mendirikan rumah tangga pada tahun 1985 iaitu tanggal empat belas [14] Julai 1985.

**NMS: Dah lama dah**

ZE: Dah lama, dah hampir saya berkahwin dah hampir tiga puluh enam [36] tahun, ya genap 2021 ni dah kira genap tiga puluh enam [36] tahun usia perkahwinan saya dengan jejaka - - - yang bernama Zulkifli Bin Mohamed Yusof. Dia daripada Kuala Lumpur [Malaysia] iaitu daripada Kampung Baru [Kuala Lumpur] usia perkahwinan saya yang tadi tu lah tiga puluh enam [36] tahun lah kalau ikutkan congak saya kan daripada 1985 sampai ke harini tiga puluh enam [36] tahun insyaAllah alhamdulillah.

**NMS & AIMN: Alhamdulillah....**

ZE: Ya alhamdulillah, semoga berkekalan hingga ke *jannah* [syurga] bak kata sekarang ni saya pun cuba lah menjadi remaja-remaja purba ya. *Till Jannah* [hingga ke syurga] katanya sekarang ni alhamdulillah dan suami saya seorang pemuzik, seorang pemuzik juga dia *bassist* [pemain bass] seorang pemain gitar bass. Waktu saya mengenali dia juga dia memang seorang pemain, pemain gitar bass lah yang *backing* [sokong] saya sewaktu - - di salah sebuah hotel di Kuala Lumpur [Malaysia] lah membuat persembahan pada waktu tu lah. Dah lama lah rasanya dah dalam tahun 1984, 83 macam tu lah saya mengenali beliau dah lama, jadi bertunang dua tahun 85 dijabkabulkan alhamdulillah.

**AIMN: Alhamdulillah...**

**ZE:** Dan dalam tiga puluh enam [36] tahun tu saya dikurniakan tiga [3] cahaya mata salah seorang [1 orang] dia menjadi anak syurga jadi tinggal dua [2] lah sepasang lah. Yang sulung seorang anak gadis yang bernama Siti Sarah Binti Zulkifli dan yang kedua Muhammad Naqib Bin Zulkifli dan juga alhamdulillah syukur kehadiran Allah sekarang ni saya - - - (gangguan rangkaian) *family* [keluarga] kami ni saya sebab ayah saya orang Negeri Sembilan [Malaysia], jadi bila orang Negeri Sembilan [Malaysia] ni nenek dia panggil wan jadi diorang panggil saya ni “Wanda” lah. Bukan *Wonder Woman* lah “Wanda” (ketawa)

**NMS & AIMN: Wanda.....**

**ZE:** Wanda ni saya dikurniakan, Siti Sarah dikurniakan anak dua orang cahaya mata alhamdulillah sekarang ni, yang bernama Siti Aisyah sulung dan keduanya Muhammad Fatih.

**NMS: Oh Muhammad Fatih..**

**ZE:** Ya Muhammad Fatih, tu nama cucu lah. *So* [jadi] dalam *family* [keluarga] sekarang ni kami dah menambah bilangan keluarga saya suami anak dan suami dia menantu saya Muhammad Ashraf Bin Abu Bakar dan juga anak saya Muhammad Naqib dan dua orang cucu, sepasang cucu alhamdulillah.

**NMS: Besar keluarga Puan.**

**ZE:** Ramai jadi ramai tu semuanya duduk dengan saya. Saya ni seorang yang ortodoks, semua kena duduk dengan saya, saya agak lebih kepada yelah bila kita di era 60an, lahir pada era 60an ni kalau dikirakan zaman tu memang semangat kekeluargaan you know [awak tahu] semua nak duduk satu rumah, kalau pergi luar tu karang macam jauh, saya ni tak reti, saya memang terbawa situasi itu, keakraban tu keharmonian tu



sampai sekarang. Jadi saya faham, saya cuba faham untuk anak-anak sekarang dia lebih suka, ada yang kadang kala nya ibu bapa yang lebih suka anaknya duduk di luar, belajar hidup sendiri *okay* [baik]. Jadi bagi saya, selagi saya hidup kita - - - (gangguan rangkaian) keluarga sendiri, tetapi mereka masih lagi dalam tanggungjawab kita. Dan mereka juga punya tanggungjawab kepada kedua ibu bapa diorang. Jadi benda tu kalau kita praktikkan dia akan turun kepada anak cucu kita, dan bila dia anak-anak cucu ni tengok macam mana mak dia layan mak bapak dia, macam tu juga dia akan bawa *you know* [awak tahu] ke generasi dia akan datang (menunjukkan pergerakan tangan).

#### **NMS & AIMN: Betul..**

ZE: Jadi sekarang ni kita *lack of that* [kekurangan itu], tak tak tak ramai yang lebih suka kadang-kadang yelah saya faham dulu waktu saya dengan kedua orang tua saya, saya duduk bersama kedua orang tua saya, tapi sampai satu tahap saya keluar dari rumah tapi nama jaa keluar tapi tak jauh selang dua [2] rumah jaa masa tu (Puan Zur Eda ketawa kecil).

#### **NMS & AIMN: (Ketawa kecil bersama Puan Zur Eda)**

ZE: Macam tu, waktu dulu lah tapi saya lebih kepada keadaan, tapi saya faham ada kalanya saya berfikir sendiri saya agak keterlaluhan. Ni pendapat masing-masing *okay* [baik], *I guess* [saya agak] macam *you* [awak] pun kita nak belajar hidup sendiri, kita boleh jaa nak *call* [telefon] mak hari-hari kita boleh jaa kalau jarak jauh dah boleh sekarang ni dengan teknologi-teknologi baru ni boleh jaa gunakan *video call* [panggilan video], jumpa mak *and all that* [semua itu], tapi sentuhan tu. Sentuhan itu sebenarnya sebagai orang tua, dulu mak saya bila saya jauh, jauh tu tak jauh sangat lah kadang tak datang jenguk. Yelah kita bertugas di luar daerah, di luar luar apa pergi ke negeri Pahang kita ada *show* [pertunjukkan] apa semua kan jadi bila tak jumpa mak tu kalau atau pun kadang bila nak - - - macam Allah saya sanggup patah balik mak Allah lupa mak tadi

apa terus ja sebab kita dah lambat kadang-kadang Allah lupa nak salam mak, lupa nak cium mak Allahuakbar patah balik takpelah biar saya lambat *settle* [selesai]. Saya lambat saya kena marah pun takpe saya balik saya peluk mak dulu *you know* [awak tahu] kadang-kadang bagi orang takpe *video call* [panggilan video] jaa. “Mak kitorang dah ada ni mak, *sorry* [maaf] lah *I* [saya] lambat lah tak sempat *sorry* [maaf] tau” (sambil menunjukkan aksi seperti hendak bersidang muka menerusi telefon). Tapi sebenarnya sebagai seorang ibu kita tidak akan menunjukkan kesedihan kita “Jalan elok-elok, elok-elok tau jalan ehh mak doakan elok semoga selamat sampai ibu doakan lagi \_\_”. Tapi sebenarnya dia kata taknak singgah ala bukannya susah sangat jenguk kejap je atau pun kata duduk jauh \_\_ (gangguan rangkaian) macam tu.

**AIMN: *Okay* [baiklah] terima kasih puan untuk soalan seterusnya, saya nak kami nak tanya tentang boleh ceritakan sikit tak puan tentang latar belakang pendidikan puan sebelum puan mulakan karier puan?**

**ZE: Amar, nak tanya sikit hang ni orang utaqha ka?**

**AIMN: Ya, saya orang utara duk kedah (sambil ketawa)**

**ZE: Orang utara nah, tudia orang kedah loqstaq mana tang mana?**

**NMS: (Gelak sambil menutup mulut menggunakan kertas yang dipegang)**

**AIMN: Gurun, gurun gurun.**

**ZE: Orang gurun ka? Sudah dia tak boleh laghi, dia punya pelat tu takleh laghi. Tau dah**

**NMS: Pekat (ketawa)**

ZE: Saya memang orang Kuala Lumpur [Malaysia], tapi saya banyak kawan-kawan jadi sebagai penyanyi ni saya banyak keluar *you know* [awak tahu] setiap kali buat persembahan di Kedah kita dah mula dah. Sebab kita dekat dengan *fans* [peminat] kita jadi kita kena belajar. Kita masuk kandang kambing, kita mengembek.

**NMS: Betul (ketawa kecil)**

ZE: Jadi kita ikut kan kita faham bahasa dan kita boleh *tackle fan* [tangani peminat] kita kan. Jadi aku tau lah aku dengaq hang cakap aku tau dah haa tudia. Okay tentang latar belakang pendidikan. Waktu sekolah dulu saya ni boleh dikategorikan sebagai seorang yang pandai lah jugak Alhamdulillah pandai. Pandai bukan lah kira pandai cemerlang sangat tidak, tapi Alhamdulillah, Alhamdulillah boleh mengeja, boleh mengiro tapi *okay* [baiklah] lah tu.

**NMS & AIMN: (Ketawa)**

ZE: Alhamdulillah memang sentiasa menjadi tumpuan untuk *especially* [terutamanya] untuk subjek-subjek *History* [Sejarah]. Kan kita ada sejarah saya seorang yang suka tengok rancangan doko, doko dokumentari, sejarah tentang ni lah bila *you* [awak] cerita tentang \_\_ (gangguan rangkaian) tentang sesuatu benda, sejarah ni apa? Kalau dulu kita tak ada *Google* kita ada buku sejarah yang cikgu ajar. Ooh bijih timah tu dekat Perak [Malaysia], Larut [Perak] haa tau. Baru kita tau, saya memang ambil berat benda-benda tu saya suka dan juga saya kalau bidang senaman jasmani untuk menyanyi-nyanyi ni memang nombor satu [1] lah dan saya sampai ke tingkatan 5 sekolah rendah saya mendapat pengajian di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Temerloh Kuala Lumpur [Malaysia]. Bukan di Pahang [Malaysia], Jalan Termerloh [Kuala Lumpur].

**NMS: KL**

ZE: Sekarang ni Titiwangsa [Kuala Lumpur] . Belakang IB tu Istana Budaya [Kuala Lumpur] tu, itu sekolah lama saya sekolah rendah. Sekarang dah ditukar menjadi pusat \_ \_ (gangguann rangkaian) kemudian sekolah menengah kita sebelah-sebelah jaa sebelah tu sekolah menengah maknanya Sekolah Menengah Jalan Temerloh [Kuala Lumpur] lah yang mana sekarang ni dah pun di tukar nama kepada Puteri Titiwangsa. Yes [ya] Sekolah Menengah Puteri Titiwangsa [Kuala Lumpur]. Kiranya dan saya mendapat pendidikan awal di situlah sekolah rendah dan sekolah menengah waktu tu dan di sekolah saya banyaklah masa dulu kita tak panggil Kokurikulum kita panggil apa ehh zaman-zaman dulu 70an saya dah lupa lah zaman 70 an dulu kita panggil kita tak panggil kokurikulum zaman dulu. Zaman dulu takde, waktu saya sekolah dulu lah kita lebih aktif kepada kerja-kerja macam *sort of* [lebih kurang] berkumpul beramai-ramai dengan cikgu \_ \_ (gangguan internet) berkumpul semua dengan cikgu matematik haa tu budak-budak pandai lah tu kan - - dulu “kita dengan awak” jaa takde macam sekarang “ehh korang”, “weh korang” takde takde dulu “awak, kita”. “Awak, kita dengar \_ anum tu pergi melancong kat sana, awak tak pergi ke?” Tak suka lah

**NMS: Sopan jaa bahasa...**

ZE: Masa tu tetap, “wak,wak,wak” takde, yang ada burung wak-wak jaa. (ketawa). Seterusnya tu, sebenarnya di tingkatan 5 saya mendapat *offer* [tawaran] sebenarnya untuk melanjutkan pelajaran ke Australia yes [ya].

**NMS: Pandai...**

**AIMN: (mengangguk kepala)**

**ZE:** Jadi sebagai, ya jadi saya dipilih antara-antara sekolah lah waktu tu memang program tu daripada \_\_ (gangguan rangkaian) biasiswa untuk pelajar-pelajar yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Australia yang mana waktu tu saya dah mula berjinak-jinak kepada bidang nyanyian sebenarnya. Okay, saya tau saya dah menghancurkan harapan kedua orang tua saya. Saya sangat-sangat rasa bersalah sehinggakan, tapi apa pun masa itu dah berlalu. Jadi waktu mendapat tawaran tu itu saya katakan tu, saya memilih pilihan di tangan kita *alright* [baiklah]. Saya dan seorang lagi kawan saya kawan sekolah Segaran ni seorang anak india yang juga pandai, kami berdua terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Australia tapi saya menolak tawaran tu. Saya dah pergi, saya \_\_\_ (gangguan rangkaian) untuk pelajar-pelajar yang terpilih dan dia kan bagi *mock cheque* [cek cura] menunjukkan yang kita terpilih, dan dana yang dia bagi tu, dah siap ambil gambar atas pentas *and all that* [dan semua itu]. Saya mengambil keputusan nekad, bila balik lepas seminggu tu saya puas berfikir, yelah waktu tu remaja mungkin remaja jadi kita takde kepada bukan taknak belajar. Saya tau saya pandai tapi saya tidak *link* [paut] kepada situ saya lebih kepada bidang nyanyian kerana menyanyi tu ada lah jiwa saya dari sekolah. Jadi bila saya bagitau kedua orang tua saya, jadi orang tua perempuan lah yang lebihnya “pok pek pok pek” (sambil menunjukkan pergerakan tangan) marah *and all that you know* [dan semua itu, awak tahu] Kau nak jadi apa?”, tak saya suka menyanyi “Eda suka menyanyi mak” \_\_\_ (gangguan rangkaian) dia kata. Waktu dulu menyanyi ni kira sesuatu yang macam orang tak pandang, orang nampak macam pekerjaan menyanyi ni adalah sesuatu yang *sort of* [lebih kurang] bukan gila, *it's not* [bukan] gila yang tidak ada jaminan masa depan *you know* [awak tahu] pada orang-orang tua dulu. Yelah dia melihat daripada penyanyi-penyanyi dulu kalau kita tengok kan *history* [sejarah] daripada P.Ramlee, R.Azmi *you know* [awak tahu] ya nama dia waktu yang jadi besar tu bila selepas dia meninggal, bila dia dah takde tu baru P. Ramlee baru kita angkat ‘Bujang Lapok’ cerita-cerita dia pada waktu itu. Jadi, orang tua kita dulu kedua orang tua kita dia fikir, dia taknak anak dia jadi macam tu “Kau kena kerja *Government*” [kerajaan] katanya, orang kata dulu “kerja *Government*” [kerajaan] ya kerja gomen sekarang orang kata.

**NMS & AIMN: Ahhh gomen...(serentak bercakap)**

ZE: 'Kalau kau dapat kerja dengan *government* [kerajaan] \_ \_ \_' (gangguan rangkaian).  
Even kerja dengan swasta pun dia taknak "Kau kena kerja dengan *government* [kerajaan] cari kerja *government* [kerajaan], dijamin seumur hidup sampai mati, dah mati besok pun ada pencen" kata dia orang tua dulu dia beringat *you know* [awak tahu], dia beringat dia dah aturkan untuk kita sebab tu dia buat pilihan untuk kita. Tapi saya ni seorang yang *rebel* [memberontak], *rebellious you know* [memberontak awak tahu] saya, saya, saya yelah tapi kita ni macam macam mana ya saya tau saya tak mendengar kata orang tua lah remaja jadi saya buat pilihan saya *you know* [awak tahu], saya taknak saya nak pulangkan balik *cheque* [cek] ni saya taknak pergi. *So* [jadi], ayah saya seorang yang *cool* [tenang], dia tanya saya "*so you* [jadi awak] betul-betul taknak pergi ke?" saya tak boleh *even* [walaupun] kalau saya pergi pun, mungkin saya boleh *focus* [fokus] atau pun mungkin \_ \_ \_ (gangguan internet) dua orang. *Instead of* [sebaliknya] dua orang saya kata mak dengan abah nanti saya akan hampakan semua orang *you know* [awak tahu], orang yang menaruh harapan, *the whole trip club* [seluruh kelab] yang *sponsorship main sponsor* yang *sponsor* [penajaan penaja utama] kita, waktu kita pemikiran kita pendek. Cara kita berfikir tu sangat cetek pendek, kita tak pikir lanjut. Jadi saya ambil keputusan untuk tak melanjutkan pelajaran lah dan saya *drop* [buang] benda tu saya lebih fokus kepada menyanyi di kelab malam.

#### **NMS & AIMN: (Menganggukkan kepala)**

ZE: Tu, yang mana itu jiwa saya. Saya suka menyanyi, saya banyak lebihkan masa ya dengan kawasan saya tu ada banyak legenda-legenda yang duduk di kawasan perumahan saya tu di Gombak [Selangor, Malaysia] setapak jadi waktu tu \_ \_ (gangguan rangkaian) Hamzah Dolmat. You boleh *Google* siapakah itu Hamzah Dolmat.

**AIMN: Ya.**

ZE: Seorang legenda waktu era 50an \_ an. Dia memang nama dia sangat besar dan kami memang, dan Ahmad Wan Yet, seorang *saxophonist* [pemain saksofon] keluarga Omar OJ, pelakon A.R. Tompel, P. Ramlee semua duduk di kawasan taman kediaman saya waktu tu di Gombak [Selangor], *yes* [ya] jadi kita ni bercampur masyarakat yang kita campur adalah keliling kita itu ada *influencer* [pengaruh]saya, *influence* [pengaruh] terpengaruh dengan *you know* [awak tahu] “*wow shooting* [wah penggambaran], orang menyanyi” *You know* [awak tahu] P.Ramlee saya baik dengan anak P. Ramlee saya ya rumah kami dekat dia ada seorang anak yang nama zaza kami sekolah sama \_ \_ \_ (gangguan internet). Jadi saya tengok dia main piano *you know* [awak tahu] dia dan saya nampak arwah Saloma ada disitu juga dia sangat orang yang apa saya boleh katakan kalau *you* [awak] tengok arwah Saloma dan P. Ramlee tu *how shoud i say* [macam mana saya nak cakap], walaupun di dalam rumah, tetapi aura dia tu aura bintang legenda dia tu ada pada dia, postur badan dia cara dia bertutur dalam rumah, cara P. Ramlee main piano *you know* [awak tahu] di atas dia ada satu piano kat rumah tengok dia memang *a truly musician* [benar-benar ahli muzik] dia memang seorang pemuzik, jiwa dia seluruh \_ \_ \_ (gangguan internet) muzik ni *you* [awak] tak boleh buat-buat *you* [awak] tak boleh atau bidang ni *you* [awak] bukan boleh *create, no* [cipta, tidak] dia datang sendiri.

**AIMN: Ya.**

ZE: Dia ada dalam jiwa tu cara dia duduk cara dia berpakaian cara dia sinsing baju (sambil menyinsing baju) cara dia hisap rokok mencari ilham cara dia kenyit mata, cara memek muka dia *he is a truly musician* [dia betul-betul ahli muzik] depan mata saya, saya saksikan benda tu saya berkesempatan \_ \_ jadi benda tu saya tengok *wow impress* [wah mengagumkan] saya dan dia pernah bercakap “untuk menjadi untuk ada seni dalam jiwa [SIC: untuk menjadi anak seni] *you* [awak] kena ada seni tu dalam diri *you*” [awak].

**NMS: Betul...**

**ZE:** Itu yang saya yang jadi masa tu kita tak faham “Zaza apa yang *father you* [ayah awak] cakap ni?, kita tak faham lah awak” *You* [awak] nak jadi orang seni, seni tu kena ada dalam diri *you* [awak] baru *you* [awak] boleh keluarkan jiwa *you* [awak] tu *you transfer* [awak pindahkan] jiwa *you* [awak] tu saya cakap sebagai seorang penyanyi *okay* [baik] kepada orang yang mendengar di depan *you* [awak], orang yang menyaksikan persembahan ni. Mereka dapat *that’s what* [itu apa] yang kita panggil *feel* [rasa].

**AIMN: Ya...**

**ZE:** *Feel* [rasa] tu kalau orang tak boleh dapat *feel* [rasa] tu, *you* masih lagi gagal *you* [awak] belum sampai ke tahap tu.

**NMS & AIMN: (Angguk kepala) betul-betul..**

**ZE:** So, itu antara penyelidikan saya lah dan kemahiran lain tu takde, saya memang suka masak jiwa saya *I love one of my passion* [saya suka salah satu minat saya] kegemaran saya selain menyanyi ada lah memasak. Kalau dulu memang kena marah dengan mak selalu.

**NMS: Anak perempuan...**

**ZE:** “Walau tinggi mana pun belajar, hebat mana pun kalau tak reti masak kan tak guna jadi orang perempuan”

**NMS & AIMN: (Ketawa)..**



**ZE:** Itu kata orang dulu. Tapi zaman sekarang kalau tengok kan sekarang ni chef-chef pun banyak yang lelaki *alright* [baiklah]. Chef-chef hebat banyak yang lelaki tapi masak rumah sebagai ibu sebenarnya saya suka cuba tafsirkan kenapa jadi baru saya faham sekarang kalau kita sebagai perempuan ni tak reti masak kita wanita kita perempuan kita akan menjadi ibu satu hari nanti jadi kita nak masak untuk keluarga kita masak-masak bodoh pun lah campak-campak sekali pun kena reti masak. Dulu saya nak goreng ikan masin pun saya tak pandai. Ikan masin tu, dah lah masin saya kunyit garamkan dia memang kena hauk dengan mak “Ni lah dia sibuk nak jadi perempuan kebret” kata dia “sibuk nak \_\_ \_\_ ikan masin pun tak reti nak goreng” tapi saya ni seorang yang sangat pendendam *but* [tapi] pendendam yang positif itu saya tau diri saya. *I’ll prove to you* [saya akan buktikan dekat awak], saya akan buktikan pada mak. Mak saya kata “Kau nak jadi perempuan kebret kan nak jadi per.. penyanyi kan kerja tu yang takde jaminan hidup” Saya akan *prove* [buktikan] kan pada mak insyaAllah mak tapi apa yang saya perlukan ada lah doa mak jer Eda tak minta banyak, Eda minta mak doakan Eda jer sekejap sikit pun hari-hari cukuplah mak itu jer lain mak jangan *support* [sokong] itu *okay* [baik] saya faham. Sebab orang tua dia tak suka kan bagi dia perempuan ni menyanyi dia tak elok dipandang oleh mata masyarakat waktu itu dan saya \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) walaupun dia marah tapi sebenarnya doa seorang ibu itu yang kita tau tidak ada hijabnya.

**AIMN:** Ya, betul.

**ZE:** Dalam dia marah, dalam dia ni, dia pun dalam proses untuk mengenali anak dia sebagai ibu. Sebenarnya setiap manusia ni, dia melalui proses sampai kita mati. Kita ada proses mengenali, memahami *you know* [awak tahu].

**AIMN:** Ya...

**ZE:** Jadi mak saya lama-lama - - dia boleh terima tapi dia tak tunjuk, dia seorang yang *very egoistic* [sangat ego], dia seorang yang ego, *no* [tidak] tapi sebenarnya kita tahu. Kita

jarang masuk bilik dia tapi sekali kita termasuk bilik dia, kita buka lemari, dekat pintu lemari dia penuh keratan-keratan akhbar yang dia potong dia tampal dekat dekat lemari pakaian dia. Dia sorokkan \_\_ nombor satu tapi dia tak tunjuk dari situ saya tau saya peluk dia (nada suara agak sebak dan sedih) “terima kasih banyak-banyak mak” baru saya faham dia marah kerana dia nak kita jaga, dia tidak mahu kita hanyut sebab dia tau dunia menyanyi ini amat terbuka.

**AIMN: Ya...**

ZE: Dia tidak mahu kita lalai ya sebenarnya . Itulah ibu sebenarnya cara dia, ada ibu yang dia *direct* [langsung] ada ibu yang dia cara dia macam mak saya tadi lah.

**NMS: Dia tak tunjuk yang dia *care* [ambil kisah]**

ZE: Dia tak tunjuk, tapi dia *care* [ambil kisah] dah anak perempuan dia sorang sulung.

**NMS: Faham-faham**

ZE: Jadi itu yang membuatkan saya merindui dia lah sehingga ke hari ini. Lekat doa dia tu, saya *sustain* [mengekalkan] alhamdulillah dan juga berkat doa daripada ayah, mak bapak kita, keluarga saya dan \_\_ \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) dah tahun 2021 ni dah hampir saya rasa kalau kirakan 1985 sehingga ke hari ni 83, 36, [SIC:38] tahun dah saya dalam berdirinya saya di dalam industri muzik tanah air ni lah. Alhamdulillah, alhamdulillah.

**NMS & AIMN: Alhamdulillah, alhamdulillah**

**AIMN: Terima kasih puan beri maklumat terperinci tentang latar belakang pendidikan tu. Soalan seterusnya puan ada idola tak sebelum atau masa menyanyi?**

ZE: Waktu-waktu dulu ke?

**AIMN: Ya waktu dulu**

**NMS: Sebelum nak mula-mula masuk bidang nyanyian tu?**

ZE: *Yes, of course* [sudah tentu] zaman dulu.....

**NMS & AIMN: Ketawa kecil**

ZE: Kita ada radio yang selalu berkumandang lagu-lagu era 70an lah. Siapa lagi kalau bukan Allahyarham Biduanita kita Datuk Sharifah Aini, Uji Rashid, \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) yang ini semua adalah idola kerana itu yang waktu tu memang, pendedahan kita dulu kita takde *phone* [telefon], kita takde nak dengar muzik kat mana kita ada piring hitam saja yang kita ada waktu tu *you know* [awak tahu]. Waktu saya dulu waktu muda tu memang ada piring hitam. Dan waktu dulu tu idola saya, selalu saya suka selalu saya katakan saya teringin nak jadi macam apa Uji Rashid. Saya dengar dia diwawancara dalam Radio Nasional dulu *you know* [awak tahu]. Saya dengar *bestnya* [seronoknya] kalau jadi macam Uji Rashid ni suara dia merdu macam Sharifah Aini dia deram ayat bait-bait ayat lirik yang di sebut tu *very clear* [sangat jelas]. Dia takde macam *you know* [awak tahu] sekarang \_\_ \_\_ nak *no no it very clear* [tidak, tidak sangat jelas]. So [jadi] saya dari situ saya belajar dalam \_\_ \_\_ *you know* [awak tahu]. Rahimah Rahim, jadi itu antara idola-idola saya waktu tu *you know* [awak tahu] bila saya bekerja tu saya berkesempatan berjumpa sendiri dengan Anita Sarawak, Rahimah Rahim, Noor Kumalasari, Sudirman dari situ kita belajar kita belajar dan waktu dulu pun untuk penyanyi-penyanyi luar banyak menyanyi juga lah jadi kita bila

kita dah menjadi penyanyi bekerja sebagai penyanyi, kita banyak juga mendengar lagu-lagu daripada luar *you know* [awak tahu], lagu-lagu jazz singer waktu tu lebih pada macam kalau artis-artis yang hebat waktu tu Connie Francis ada, \_\_\_, Donna Summer dulu *disco* [disko] kan (gerakan sedang berdisko), zaman-zaman tu \_\_ you know, jadi kadang-kadang waktu bila saya, saya minat saya kata ehh suara saya ni \_\_ (gangguan rangkaian) suara yang besar bukan suara yang halus yang *very soft* [sangat lembut]..

**NMS: Betul....**

ZE: \_\_ bukan tidak. Saya lebih kepada suara saya ni *husky* [serak]..

**NMS: Suara puan unik.**

**AIMN: Ha unik.**

ZE: Saya taktau lah unik dia kat mana

**NMS: Dengar kalau puan nyanyi**

ZE: Orang-orang tegur dulu kata “suara dah macam suara itik serati” kata dia. \_\_ besar suara besar kata dia kan, tapi serak lah saya ni jenis suara serak kalau saya bercakap pun saya menyanyi pun macam tu juga suara saya.

**AIMN: Terima kasih puan, saya nak tanya sebelum puan orang kata sebelum puan berkongsi, boleh puan berkongsi tak pengalaman puan sebelum jadi artis tu, apa macam puan bekerja tak sebelum jadi artis?**

ZE: *Yes of course* [ya sudah tentu] saya bekerja, lepas saja SPM \_\_ (gangguan internet) kalau dulu kita banyak macam kita pergi satu *company* [syarikat] ni jual, kalau sekarang ni ada jual minyak wangi, *marketing* [pemasaran] orang-orang *marketing* [pemasaran] ni diorang kawan-kawan kan kawan saya abang dia ada jual minyak wangi abang dia ada jual kerepek, kakak-kakak dia ada buat ini jadi saya suka meniaga saya bawak. Saya jumpa orang saya pergi ke Sungei Wang [Kuala Lumpur] saya pergi ke *shopping-shopping complex* [kompleks membeli-belah] , daripada saya melepak saja lebih baik saya meniaga saya bawa dalam beg saya.

**NMS: Kira puan meniaga macam-macam jenis produk lah?**

ZE: Yes, macam-macam jenis produk saya meniaga. “Assalamualaikum bang, kak tunggu siapa kak? Takde tunggu ni zaman dulu dia bukan zaman-zaman sekarang dia lebih peramah, zaman dulu dia lebih kurang dia macam apa yaa? Macam takut-takut. Tapi bila cara kita *approach* [mendekati] tu katakan “wangi akak ni, kak akak nak beli tak saya ada jual minyak wangi saya ada jual ni kak, cuba akak tengok” saya \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) yang nak pergi Australia tadi tak menjadi kan \_\_ \_\_ nak tunjukkan kat mak yang kita boleh berdikari kita boleh menjadi orang. Orang dulu orang tua-tua dulu dia kata “engkau nak jadi apa? Nak jadi beruang? Orang dulu nak jadi orang kau nak jadi apa beruang, jadi apa sekarang? Kan takpe, orang dapat kerja orang nak keluar ni, Eda nak keluar nak cari kerja. “Pergilah sape nak ambil kau?” dia kata. “Dengan kau ada SPM kau tu jer. Memang simpan marah lah \_\_ \_\_ orang tua kan. Memang telinga ni menanah jer lah. Tapi kita takpelah dah memang salah kita, kita terima jer lah tadah jer lah telinga kena marah kan.

**NMS: Betul, betul..**

ZE: Jadi dalam saya meniaga, saya jumpa kawan-kawan all all that, saya bekerja, saya dapat satu kerja menjadi *sort of* [lebih kurang] kerani lah di sebuah syarikat *rent a car*

[sewa kereta] waktu tu \_\_ (gangguan rangkaian) *okay* [baik] di Jalan Pinang Kuala Lumpur [Malaysia] jadi saya diorang ni lebih kepada *rent a car* [sewa kereta] ni, diorang lebih kepada teksi kereta mewah dijadikan teksi. Jadi saya ni kerja saya saya ni dengan satu [1] tauke saya waktu tu cina lah jadi dia ambil saya bekerja. Saya bekerja lebih kurang dalam dua [2] tahun dah saya kerja. Saya bekerja dalam dua tahun dan disitu waktu tu dekat hotel tu ada selalu buat *fashion show* [pertunjukkan fesyen] dan ada menyanyi-nyanyi *because* [sebab] dia *every sunday* [setiap ahad] ada *hi-tea fashion show* [pertunjukan fesyen hi-tea]. Saya nampak orang-orang yang waktu tu orang-orang yang mewah *you know* [awak tahu], kalau dulu *you* [awak] makan dekat hotel bertaraf lima [5] bintang lah *Holiday Inn The Park* [Kuala Lumpur] tu salah satu hotel yang bertaraf lima [5] bintang waktu tu di Jalan Pinang [Kuala Lumpur] \_\_\_ dengan orang yang datang tu semuanya orang-orang yang mewah *you know* [awak tahu]. Kalau zaman sekarang ni dia panggil orang-orang kayangan kan. Jadi saya mendapat apa ya orang kata nak jadi macam tu macam mana diorang boleh hidup macam ni mana diorang dapat duit? Jadi mewah hidup *leisure* [masa lapang] duduk minum *cup of tea* [secawah teh] sambil tu tengok orang peragakan pakaian pastu pilih *money* [duit] \_\_. Saya nak jadi macam tu saya cakap , saya nak rasa jadi macam tu, *how* [macam mana] kan walaupun duduk tapi saya banyak kenal dengan *owner of* [pemilik] *Holiday Inn* [Kuala Lumpur] waktu tu GM saya adalah Tan Sri Anak Dato' Harun, [SIC:arwah Dato' Harun] anak dia Tan Sri Azhar membawa saya untuk bekerja dia kata Zur Eda takpe, bila saya dah nak berhenti tu saya kata Zur Eda *why not you* [kenapa bukan awak] menyanyi kat sini nanti, nanti saya kenalkan *you* [awak] dengan diorang-diorang ni. Jadi bila kita ada nak *you* [awak], *you* [awak] pilihan kawan *you* [awak] tu terletak di tangan *you* [awak].

#### AIMN: Betul

ZE: *You* [awak] nak ke arah itu. Jadi *you* [awak] cuba menjinakkan diri dengan orang tu, tapi dalam masa yang sama *you* [awak] kena sedor diri orang tu disini (sambil tangan di atas), kita di sini (tunjukkan tangan di paras bawah). Kita ni baru nak belajar jadi kita nak belajar, matangkan diri kita nak belajar cara macam mana nak hidup nak dapat hidup cara macam ni. Kita tau kita bercakap diorang suka bila orang-orang yang

*leisure* [masa lapang], orang-orang kayangan, orang-orang ni diorang lebih kepada muzik *is* [ialah] jiwa mereka. Bila ada *event* [acara], ada apa diorang nak muzik *so* [jadi], *entertain* [berhibur] jiwa suasana diorang \_\_ (gangguan rangkaian) saya *study* [belajar] apa genre muzik yang diorang suka. *This kind of people* [orang macam ni] lebihnya mereka suka Jazz muzik. Diorang suka irama-irama Jazz yang *very soothing* [sangat menenangkan] yang *light and easy* [sangat menenangkan]. Diorang tak suka yang *head banging* [terhantuk kepala].

#### NMS & AIMN: (Ketawa kecil)

ZE: *They don't like* [Mereka tidak suka]. Yelah diorang nak tenang minum teh makan kek *and all that you know so* [dan semua yang anda tahu begitu], di situ saya belajar menyanyi saya cuba menyanyi dengan ada *pianist* [pemain piano] atau *keyboard player* [pemain] yang waktu tu, yang *perform* [buat persembahan] kat situ, kat situ saya berjinak-jinak belajar lah dengan dia. Merangkak lah banyak pilihan lagu daripada luar yang saya belajar seperti macam lagu-lagu \_\_, Louis Armstrong, *you know* [awak tahu] banyaklah Aretha Franklin. Kita ada Tan Sri Zain Azman. Zain Azman adalah salah seorang penyanyi Jazz *singer* [penyanyi] malaysia. Tan Sri Zain Azman dan juga Julie Sudiro [SIC: Datin Julie Sudiro], Salamiah Hassan kak nyah Salamiah Hassan ni saya idola saya waktu saya ujibakat saya pernah nyanyikan lagu dia. Lagu 'Gelombang' *yes* [ya] "Nasibku dirundung malang, sederas gelombang" *you know* [awak tahu] tapi yang malangnya dapat nombor dua [2].

#### NMS & AIMN: (Ketawa bersama)

ZE: Memang malang (ketawa) jadi itu antara-antara ini lah jadi pekerjaan tu memang pelbagai pekerjaan yang saya buat lah, tapi lebihnya dari, akhirnya saya beralih juga balik kepada muzik \_\_ (gangguan internet) saya dengar bila kita dah bercampur dengan slot kita tu kumpulan kita tu, kawan-kawan "diorang ni nak jadi penyanyi cubalah *you try* [awak cuba] dengan diorang kan *try* [cuba] dengan diorang kalau

boleh”, bolehlah kata dia kan jadi kita tentu bolehlah kita mesti tidak ada kata tidak boleh, semua mesti boleh *you know* [awak tahu] waktu tu.

**NMS & AIMN: Ya betul..**

ZE: Jadi, saya cuba kalau kita gagal, walau kita dah mencuba kita kata lah *yes* [ya] maknanya berbalik kepada itu bukan rezeki aku, Allah kata itu bukan rezeki aku. *It's okay* [tidak mengapa] tapi *you* [awak] dah cuba *but i know one day you* [tapi, saya tahu satu hari nanti awak] akan cari saya lagi. *I'll make sure that* [saya akan pastikan itu] saya jenis orang yang macam tu *you know* [awak tahu].

**AIMN: (Ketawa kecil)**

**NMS: Haa..faham.**

ZE: Jadi tapi cara yang positif *you know* [awak tahu] cara yang positif. Jadi saya menyanyilah, saya mula *join* [sertai] berjinak-jinak dengan tempat, dulu kita banyak \_ \_ (gangguan gangguan) syarikat yang besar, diorang ni ada kafe diorang macam kelab, kelab petr...macam sekarang dia ada kelab Petronas, kelab Dayabumi so dalam tu dia ada macam tempat pekerja-pekerja dia atau dia ada tahap-tahap *level* [tahap] orang ranking yang boleh masuk kelab tu. Kat situ ada penyanyi *and all that* [ dan semua itu]. Dan disitu saya mula berjinak lah, kita masuk *battle of the band* [perlawanan antara kumpulan] waktu tu di Ampang Park [Kuala Lumpur] memang waktu saya tu 70 [SIC:80an] rock kapak dah mula menguasai pasaran industri muzik jadi kita dah mula diorang dah mula dengan lagu-lagu yelah irama-irama dulu macam kita ada kumpulan-kumpulan memang kalau *I* [saya] rasa sampai sekarang pun kalau *you all* [awak semua] masih ingat Black \_ \_ , Heavy Machine, Flybaits *you know* [awak tahu] banyak irama-irama diorang, diorang tu daripada era 70an \_ \_ (gangguan internet) Wings, Kumpulan Laksamana, Kumpulan Tiara kumpulan macam-macam kumpulan lah tumbuh dengan macam cendawan lah *you know* [awak tahu] dan diorang dah



menguasai pasaran genre muzik untuk era-era 80an. Kita panggil dulu tu rock kapak lah lagu-lagu rock kapak ni kan dan saya rasa bukan saja di melanda malaysia tapi seluruh dunia. Memang seluruh dunia dilanda irama rock okay dan tidak ketinggalan jugalah saya kita *join* [sertai] irama irama rock lagu Scorpion yang Zur Eda tu pun suara yang dah macam besar macam suara \_\_ ni nak juga *try try* [cuba cuba] nyanyi lagu Scorpion.

**NMS & AIMN: (Ketawa)**

ZE: Kau rasa.. *if there anybody there* [kalau ada sesiapa di sana] katanya nak jadi juga Deep Purple, aku lah Deep Purple aku lah \_\_ (gangguan internet) segala jenis irama *you know* [awak tahu] untuk sebab waktu tu tengah melanda *you know* [awak tahu] waktu tu kalau penyanyi perempuan dia tak ramai saya rasa kalau yang *rockers* [seorang ahli rock] dan di situ juga saya kenal Ella...

**AIMN: Oh..Ella**

ZE: Ella dulu pun penyanyi kelab macam saya. Ella dengan Lot Ella and The Band tu sebenarnya pemuzik-pemuzik diorang tu semua memang kawan-kawan kami waktu waktu era 80an dulu tu. Ella dulu pun *try* [cuba] juga dia menyanyi lagu 'Kuda Hitam' apa semua *you know* [awak tahu] dekat kelab yang kita *perform* [buat persembahan] mana-mana lah ada banyaklah di Kuala Lumpur [Malaysia] ni. Jadi kita tau dia ni - - - - *so* [jadi] Ella dia macam Ella terus memilih irama rock untuk album dia bila dia mendapat tawaran untu menjadi artis rakaman, dia terus memilih untuk menjadi *rock singer* [penyanyi rock]. Macam saya, saya *start* [mula] dengan lagu \_\_ (gangguan rangkaian) jadi di situ timbulnya lagu terbitnya lagu 'Pelitaku'

**AIMN: Ya..**

ZE: Kalau *you* [awak] dengar pelitaku....

**NMS: Dah dengar..sedap**

ZE: Dia tu lebih kepada dia bukannya yang rock yang ni lah tapi dia *very mild more commercial* [sangat ringan lebih komersial], Cuma solo gitar itu yang lebih rockish lebih rock macam saya menyanyi, saya biasa jaa saya takde suara rock ni selalunya orang kata dia kena suara yang wargh wargh saya tetap menjadi diri saya lah, jadi bila saya mendapat tawaran untuk menjadi artis rakaman, jadi kita bila kita dah tunjukkan lagu tu, saya menjadi artis rakaman waktu tu saya sudah pun berkahwin sebenarnya. Saya telah pun berkahwin jadi \_\_ (gangguan internet) buat lagu bersama dengan ahli kumpulan kami lah waktu tu Artstream nama kumpulan kami 'Zur Eda and The Artstream' so *drummer* [pemain drum] tu dia buatkan [SIC: Satu kumpulan] tu lah Artstream ni diorang *create* [cipta] lagu tu diorang perah otak buat lagu tu tu lah jadinya lagu 'Pelitaku'. Itulah lagu pertama yang saya rakamkan pada tahun 1987.

**NMS & AIMN: Ya..**

ZE: Yes 1987 waktu tu *everywhere* [dimana-mana] ko pusing kiri kanan, kau buka *channel* [saluran] mana kat radio tu pun semua rock. Lepastu ada generasi rock yang baru pastu kita ada CRK lah kita ada apa \_\_ kan tapi memang *pioneer* [perintis] dulu nya memang Search dengan \_\_ (gangguan rangkaian)

**NMS: Wings...**

ZE: Yang mendapat banyak liputan pada waktu tu lah. Tapi yang *band-band* [kumpulan] lain pun tak kurang hebatnya lah Cuma mungkin pada waktu tu yelah *recording-recording company* [syarikat rakaman] mana yang kuat yang lebih mempromosikan *you know marketing plan* [awak tahu pelan pemasaran] mereka untuk satu-satu *band*

[kumpulan] itu yang membuatkan nama mereka melonjak naik. Tapi lagu-lagu diorang pun memang cun lah memang sedap lah. Kita tau kan lagu-lagu Wings camana.

**NMS:** Kira macam tadi kan macam puan cakap kan, nyanyian ni memang puan dah start daripada sekolah lagi dah start menyanyi kan..

ZE: Bangku sekolah..yes [ya] (sambil mengangguk kepala)

**NMS:** Tu pun *one of* [antara salah satu] puan punya impian juga lah untuk menyanyi kan?

ZE: Yes, untuk menjadi penyanyi.

**NMS:** Pastu macam dari segi-segi idola puan tadi sebelum puan *start* [mula] ceburkan diri, puan banyak dengar lagu-lagu arwah apa Sharifah Aini..

ZE: Ya, lebih terdedah kepada mereka-mereka ni lah \_\_ (gangguan rangkaian)

**NMS:** So macam bila puan dah start masuk bidang industri ni, dah jadi penyanyi ni siapa pula satu idola puan punya macam satu macam idola puan oh aku nak jadi macam dia pulak haa macam tu, ada tak?

ZE: Sebenarnya terlalu ramai, terlalu ramai

**AIMN:** Terlalu ramai

ZE: Terlalu ramai yang menjadi inspirasi. *I call it* [saya panggil itu] bukan idola sebab dia dah jadi banyak *you know* [awak tahu]. Saya tidak taksub kepada satu, saya lebih kepada memberi inspirasi kepada saya. Bila kita dah satu *level* [tahap] yang lain, umur macam sekarang saya dah sudah pun berusia lima puluh enam tahun (56) *right* [betul]. Jadi saya bukan mengkategorikan diri saya sebagai artis versatil satu-satu genre macam artis asli, artis rock *you know* [awak tahu] kate..[SIC: Mengkategorikan] diri saya, saya tak. Saya *versatile* [serba boleh].

AIMN: Ya..

ZE: *If you want me to, you* [kalau awak nak saya untuk] nak saya nyanyi rock, saya nyanyi rock tapi saya menjadi diri saya, dengan cara saya. *You* [awak] nak saya menjadi menyanyi lagu-lagu langgam, lagu-lagu irama asli yes saya boleh mungkin tidak semerdu tidak semerdu penyanyi asli, penyanyi lagu irama-irama asli. *Because* [sebab] menjadi penyanyi lagu irama asli ni dia bukan senang. Dia punya lenggok, cengkok (pergerakan tangan) *you* [awak] kena belajar *you know* [awak tahu] dan muzik dia. Kita bukan ke arah itu, saya tidak ke arah itu, tapi kalau orang nak menyanyi kalau untuk *show-show* [pertunjukkan-pertunjukkan] orang kahwin, boleh kita boleh menyanyi sebab *I call myself a versatile artist* [saya panggil diri saya artis yang serba boleh]. Jadi penyanyi-penyanyi ni menjadi inspirasi saya *alright* [baiklah]. Saya lebih kepada penyanyi-penyanyi yang menyanyi *latin* irama *bosa loha* irama bosa irama *latin*. Sebab saya suka orang yang suka menari saya tidak bukan penyanyi yang \_\_ \_\_ macam tu tak. Saya jenis yang segala urat-urat apa semua ni bergerak saya jenis yang macam tu. Jadi irama *latin* tu sesuatu yang membangkitkan *adrenaline* [adrenalin] saya ni, saya punya darah ni semua menggelegak-gelegak haa gitu orang kata kan.

NMS: Muzik dia tu.. (sambil ketawa kecil)

ZE: Ha muzik *yes* [ya] jadi lebih kepada kalau kata idola tu tidak. Mungkin inspirasi saya tu daripada penyanyi penyanyi di negara-negara barat yang latin penyanyi-penyanyi *latin*.

NMS: Haa.. *okay-okay* [baik-baik].

AIMN: Nak tanya, terima kasih lah puan bagi maklumat terperinci tu saya nak tanya tentang tanggapan puan untuk pengalaman puan pendapat puan lah apa industri nyanyian dulu dan sekarang apa pendapat puan, beza dia.

ZE: Sangat banyak beza dia dia..

AIMN: Banyak beza.

ZE: Tapi dia ada *pro* dan *con* [pro dan kontra] dia lah dia ada dia punya kurang dan kelebihan dan kebaikan. *But for me* [tapi bagi saya], ni maaf saya cakap saya bukan kata semua saya tidak kang orang salah tafsir kan. Bagi saya yang dulu lebih *genuine* [tulen]. Sebelum ada nya era digital meng*adjust vocal you* [laraskan vokal anda], yang boleh *equipment-equipment* [alat-alat] yang membantu meng\_\_ kan suara *you* [awak], *you know* [awak tahu].

NMS: Auto tune semua..

ZE: Benda tu banyak ketara sekarang. Yang tak sedap jadi sedap *you know* [awak tahu], jadi perubahan benda tu jadi bagi saya, saya lebih kalau dari segi vokal untuk ni saya lebih suka yang zaman dulu. Zaman kami dulu memang kita ada *take one take two* [ambil satu, ambil dua] kita boleh *record* [rakam] balik, tapi kita *record* [rakam] balik kalau nak lebih *genuine* [tulen] ada lah zaman 30an dulu sekali jalan jaa dengan

pemuzik kat situ dengan apa dia takde *recording* [rakaman] satu, satu, satu, satu. Zaman saya ni kira *okay* [baik] lagi makna satu, satu *equipment* [peralatan] [SIC: Instrumen] tu dia rekod satu,satu, satu, satu analog.

**AIMN: Analog..**

ZE: Dulu tu analog, sekarang ni dah lebih kepada digital

**AIMN & NMS: Digital..**

ZE: Dah boleh senang *okay* [baik] kau boleh naik kurang hun *flat* [rata] sikit kau boleh naik kan sikit *and all that* [dan semua itu], tapi kebaikan dia pula untuk sekarang ni mungkin untuk umur-umur macam penyanyi tu dia kadang ada *flat* [rata] tu sikit, sumbang dia tu tapi boleh diguna pakai untuk mereka yang mungkin umur dah veteran tapi yelah faktor usia kadang tak sampai..

**NMS: Betul..**

ZE: Benda itu membantu. Benda itu membantu tapi kalau zaman dulu di waktu tu dia muda dia nyanyi dia tak perlukan benda-benda tu perbezaan dia. Yang sekarang ni untuk menjadi popular sangat senang *okay*. Nak menjadi popular paling senang sekarang ni bak kata saya lah saya tetap menyatakan pilihan itu di tangan anda \_\_ (gangguan rangkaian) *okay* [baik]...

**AIMN: Aa okay, maaf puan sambung-sambung.**

ZE: Jadi kadang-kadang macam sekarang lebih kepada “viral kan ajer’ *you know* [awak tahu], nak popular. *You know* [awak tahu] zaman dulu kita merangkak dari bawah, kita jumpa peminat kita pergi radio stesen *to* [kepada] stesen kita masuk FELDA, kita masuklah sampai dekat padang ada taik lembu pun kita pijak pasal nak bertemu peminat. Itulah namanya silaturrahim kita dengan peminat waktu tu. *That’s why* [sebab itu] kalau *you* [awak] tengok macam kami era-era 80an 70an sampai sekarang makcik-makcik yang dah pangkat-pangkat nenek yang baya-baya *you all* [awak semua] punya nenek kakak-kakak, makcik-makcik masih ingat lagi dengan kita kalau sekarang kalau dulu, suara pun begitu kalau itu Zur Eda, itulah suara Zur Eda \_\_ (gangguan rangkaian) \_\_ sampai ke Siti Nurhaliza. Siti Nurhaliza, itulah suara Siti Nurhaliza. Tapi sekarang “ni siapa punya lagu ni bukan Siti Nurhaliza ke ni?” Banyak yang klon salah satunya ya betul dia menjadi ikutan, jadi ikutan tapi *you* [awak] tidak berdiri menjadi diri *you* [awak] sendiri. Ya, *you* [awak] tidak berdiri menjadi diri *you* sendiri. Jadi itu perbezaan dia, zaman dulu lebih *genuine* [tulen] zaman sekarang ni ada, saya tak nafikan semua penyanyi tu yang anak-anak muda sekarang jadi penyanyi ni tak bagus. Dan cara penyampaian, persembahan juga berbeza dari dulu, dulu dan sekarang.

**NMS: Banyaklah bezanya..**

ZE: \_\_ (gangguan rangkaian) daripada sekarang.

**AIMN: Saya nak mula balik tentang permulaan puan menyertai industri nyanyian ni, puan boleh berkongsi sikit tak tentang macam mana puan menyertai dalam bidang nyanyian ni. Mungkin Puan mengikuti ujibakat ka?**

**NMS: Puan ada cakap tadi puan *join* [sertai] ujibakat kan?**

ZE: Oh, ujibakat *okay* [baik]. Ujibakat tu macam-macam biasalah bila kita, dah mak dah marah tadi tu kau nak jadi apa, dia pun cari lah mana ada ujibakat, kita pun pergi tak kira di mana lah. Jadi saya pun pergi ada dua ujibakat yang saya sertai kemudian

semuanya *failed* [gagal]. Semuanya tak jadi. Jadi sebenarnya saya bersyukur waktu tu, saya bersyukur. Bagi saya “kamu yang rugi bukan saya”. \_\_ (gangguan rangkaian) *you know* [awak tahu] untuk menempatkan diri saya. Jadi saya memilih saya dah bersyukur dia tak pilih saya tapi saya pergi ke *another* [yang lain] \_. Benda itu mematangkan saya pengalaman, oh dah tak boleh buat macam ni *okay* [baik] aku buat macam ni pulak.

**NMS: Betul, betul**

ZE: *You know* [awak tahu] jadi bila juri-juri, dulu kan kita ada juri dia bagi komen. Kita ambil bukannya kita masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Masuk telinga kiri keluar telinga kanan tidak. Kita oh mimik muka, cara penyampaian jiwa tak sampai. Apa yang tak sampai ni, dia ni apa \_\_ \_\_ masa saya *recording* [rakamkan] beku. Ayat tu ada satu barisan bait lirik tu dia tulis “Beku” camana cakap beku? Keluarkan BEKU! tu dia cakap. Kena marah dalam bilik rakaman keluarkan “Beku!, Beku!” (menekan ayat tersebut) kadang-kadang macam menyirap juga \_\_ (gangguan internet)

**NMS & AIMN: (Ketawa bersama)**

ZE: *So* [jadi], saya cuba taktau nak cakap apa. Terus saya senyap dah *you* [awak] kata beku, beku lah. Allah Zur Eda Zur Eda macam ni *you* [awak] nak jadi penyanyi?

**NMS: Dendam..**

ZE: Berdesing telinga saya kan. Saya, saya cuba luahkan lagi. Jadi, itu cara mengajar kita maknanya pada dia sebagai vokal yang punya lagu ayat beku tu tak sampai pada dia. Mungkin pada orang lain dah sampai orang lain dengar *okay* [baik]. Membeku~ kan Membeku~ macam tu jadi dia tak cukup keras tak beku.



**NMS: Ya, tak beku.**

ZE: Tu maksud dia untuk bukan pada orang lain tetapi kepada penulis lirik dan pencipta lagu tu sendiri.

**NMS: Ya, betul.**

ZE: Dia nak *you* [awak] sampaikan cara dia mengajar begitu. Jadi itu \_\_ \_\_ (gangguan rangkaian) yang saya belajar, saya bawa sehingga ke hari ini. Bila saya menyanyi saya bawa dengan lenggokkan badan ya semuanya kena sampai. Jadi itu antara pengalaman *recording* [rakaman] saya dulu permulaan saya kena jadi artis rakaman mula dengan *contest* [pertandingan], masuk masuk ujibakat *and all that* [dan semua itu]. Dulu takde stesen-stesen radio ni takde banyak buat ujibakat kecuali kita ada bakat TV dulu Bintang RTM kan jadi kita masuk diperingkat-peringkat qariah yang ada di rumah ni jer lah belajar kat luar-luar *and all that* [dan semua itu]. Kemudian, lepas pada tu saya, menubuhkan *band* [kumpulan] [SIC: Bekerja] di kelab-kelab, hotel di dalam Kuala Lumpur [Malaysia] lah waktu tu saya bekerja di Kuala Lumpur [Malaysia] kemudian baru saya ke luar.

**NMS: Puan kalau ni puan ingat lagi tak tahun berapa puan mula-mula masuk ujibakat dulu? Ujibakat yang pertama kalau puan masih ingat.**

ZE: Okay, pertama eh sekarang... 85, 84, 23. Selepas saya sekolah, *form* [tingkatan] 5 aku berapa ya dulu? Sembilan belas [19] tahun kan?

**NMS: Haah sembilan belas [19]**

ZE: Eh lapan belas [18]

**NMS: Form [tingakatan] five [5], tujuh belas [17]**

ZE: Tujuh belas [17], lapan belas [18] haa lapan belas [18] tahun. Aku ni kalau, kalau ada ka bukan kalkulator ada duit depan mata senang kira. Cuba kau kira.

**NMS: Boleh, boleh..**

ZE: 80 saya rasa 80 emmm....

**NMS: Takpe, nanti kami, kami congak**

ZE: 82, 82, [SIC: 81] yes [ya]

**AIMN: 81**

ZE: Waktu tu lepas sekolah, ni nak pergi *hunt for a job* [memburu pekerjaan]- - (gangguan internet) jadi penyanyi tahun 81, 82. Itu *period* [tempoh] yang saya lepas sekolah saya dah meniaga-niaga tadi ni dengor orang ada buat yang tu saya pergi ujibakat ikut kawan-kawan pergi ujibakat kat sini pergi dekat Kementah [Kuala Lumpur] pun uji bakat juga. Manatau diorang punya bahagian penerangan untuk *join because* [sertai sebab] dalam *army* [tentera] dalam tentera diorang ada satu [1] segmen untuk seni kebudayaan, seni mereka kan jadi saya cuba tapi malangnya, *you* [awak] kena *join* [sertai] tentera. Yelah *you* [awak] kena jadi tentera lah baru *you* [awak] boleh masuk badan kesenian dia. *Even* [walaupun] kalau polis macam tu, *you* [awak] kena jadi polis tapi nanti dia akan serap *you* [awak] dalam bahagian kesenian dia. *Which is* [di mana] memang saya tidak akan boleh berjihad macam mereka lah. Saya berjihad lebih kepada \_\_ (gangguan internet). Jadi di situ lah mulanya kemudian baru saya mulakan sesi

untuk merakamkan album pada tahun 1986 saya dah mula menjinak-jinak dan 87 saya merakamkan diterima sebagai artis rakaman oleh syarikat rakaman ASP Record.

**NMS: A-S...?**

ZE: P

**AIMN: A-S-P**

ZE: P haa Australia Singapore [Singapura] Poland.

**AIMN: Oh...**

**NMS: Australia jugak**

ZE: ASP Production. Selepas ASP, saya tukar ke BMG Record

**AIMN: Oh, PMG..**

ZE: B,B,B Burma Malaysia German [Jerman].

**NMS: Boleh tahan nama-nama syarikat**

ZE: BMG Record ni dia menerbitkan lagu 'Lama Tak Jumpa' lepas rock tadi ni, dunia dan Malaysia ni semua dah dilanda irama-irama lambada. Irama-irama bara bara lambada~

irama-irama latin. Irama-irama *Chorando se foi quem um dia só me fez chorar* [hilang tangisan yang satu hari sahaja membuat saya menangis]

**AIMN & NMS: (ketawa)**

**ZE:** *So* [jadi], memang jiwa saya jadi di situ lah juga terbitnya [SIC: Lahirnya] album bersama BMG Record iaitu Album 'Lama tak Jumpa' yang ditulis oleh saudara [SIC: Allahyarham] Rahim Othman. Rahim Othman dan lirik ditulis oleh Allahyarham Mama Julie.

**NMS: Untuk 'Lagu lama tak jumpa'?**

**ZE:** 'Lama Tak Jumpa'.

**AIMN: Okay saya nak tanya puan, siapakah individu yang beri motivasi dan semangat untuk puan dalam menceburi dalam bidang nyanyian ni. Ada individu tak?**

**ZE:** *More to* [lebih kepada] kalau untuk waktu awal penglibatan, saya rasa semua membangkang lah. Ramai yang membangkang lah kita anak sulung, *you know* [awak tahu] tapi cikgu-cikgu, kawan-kawan dan juga yang mengenali saya waktu tu di perumahan saya lah lebihnya *you know* [awak tahu] apa ni anak-anak penggiat seni Allahyarham apa nama A.R. Tompel *you know* [awak tahu] mereka tu semua dekat-dekat dengan saya, kawan-kawan dan bak saya kata tadi lah legenda kita apa nama ni Hamzah Dolmat dan \_ \_ (gangguan rangkaian) memotivasi kan saya banyak saya menerima nasihat saya *collect tips* [kumpul petua] dari mereka-mereka semua ni. Dia kata betul ke kau nak dah pilih jadi penyanyi? Sebab mereka dah makan asam garam dulu.

**NMS: Ya, betul**

ZE: Mereka dah melaluinya, jadi saya kata ya saya dah nekad, saya nak jadi penyanyi. Sebab jadi penyanyi ni bukan senang.

**AIMN: Susah.**

ZE: Orang dulu dia cakap bukan senang tu bukan maksud kata dia, you [awak] tak boleh buat *no* [tidak] dia cara orang dulu ni, orang dulu-dulu ni cara dia *memotivate you* [motivasiakan awak] cara dia suka *you* [awak] nak beri nasihat dekat *you* [awak], dia cara dia berlapik. Macam saya kata tadi, mak saya dia tak suka kan tapi kadang-kadang nak keluar tu “ingat baca doa ni manatau hilang \_\_” (gangguan rangkaian) *okay* [baik] tapi sebenarnya dia *care* [ambil berat]. Macam tu juga cikgu-cikgu saya, kawan-kawan saya dia kata betul *you* [awak] dah pilih, maksudnya engkau kena buat betul-betul, ini *tipsnya* [petuanya]. Cara dia \_\_ mesti jiwa kau kena kental *alright* [baiklah] jiwa kau kena kental kalau kau tidak ada seni. Itu nombor satu [1] yang saya dapat dari Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang saya dengar, dia cakap sambil bukannya saya bercakap dengan dia depan-depan ya *uncle* [pakcik] *no* [tidak], takde. Sambil dia bercakap, dia main muzik dia bercakap jadi kita ni tangkap, tangkap ayat tu. *You* [awak] nak jadi orang seni, seni tu kena ada dalam jiwa *you* [awak]. *You* [awak] takde seni *you* [awak] bukan, belum sampai lagi, belum lulus lagi *alright* [baiklah]. Makna segala yang seni itu kena ada dalam jiwa. Tak kira lah kalau *you* [awak] seorang penyanyi \_\_ (gangguan internet) di mata *you* [awak], di telinga *you* [awak], di jiwa *you* [awak]. Tapi *your* [awak] *favourite* [kegemaran] genre, itu lain tu pilihan *you* [awak] tapi *you* [awak] kena anggap *you* [awak] ni angin, irama laut punya hempasan ombak itu pun seni. *Sound* [bunyi], dia *sound* [bunyi]. *Sound of music* [bunyi muzik].

**AIMN: *Sound of music.***

ZE: *Sound, sound yes* [bunyi, bunyi ya]. *Think* [fikir] macam *you* [awak] pandang, pandang awan kadang-kadang pandang awan nampak macam biasa tapi kalau *you* [awak] seorang pelukis atau seorang mempunyai imaginasi yang kuat, seni *you* [awak] - akan nampak. Ini macam orang tengah bersujud itu macam nampak budak tengah lari, kuda tengah orang tengah naik kuda. *You* [awak] pernah tak nampak benda tu, kalau *you* [awak] cuba baring dekat padang lapang *you* [awak] pandang. Apa yang ada dalam fikiran *you alright* [awak baiklah]. Itu ada lah seni. Jadi *you* [awak] kena ada seni untuk menjadi orang seni. \_\_\_ (gangguan rangkaian) semangat *you* [awak] kena kental dan *you* [awak] boleh terima yelah kalau sekarang *so called* [kononnya] *netizen* [warga internet]. Dulu kita takde ayat *netizen* [warga internet]. Saya *blur* [keliru] juga *netizen* [warga internet] tu apa?

**NMS: Warga *netizen* [warga internet]**

ZE: Bila zaman sekarang ni, saya pun terkena juga rimbasan daripada *netizen-netizen* [pengguna-pengguna internet] ini bila saya *join* [sertai] satu rancangan realiti – TV [televisyen] pada tahun 19 - 2016- 2016. Saya pun terkena, jadi saya, tapi saya dah *prepare* [bersedia] diri saya. *It's ok* [tidak mengapa]- yang penting *you* [awak] jangan *stress* [tertekan], *you* kena tenang kan diri *you know* [awak tahu]- *you* [awak] bercakap dengan *you* [awak]- *you believe in yourself!* [awak percaya pada diri sendiri!] *You* [awak] percaya pada diri *you* [awak]. *You* [awak]--- tapi *you* [awak] lebih menarik. Itu yang sangat-sangat tidak kira dalam bidang seni, pekerjaan, pembelajaran, dalam apa jua kehidupan ini, pekerjaan ataupun apa benda tu *you* [awa] (menepuk dada) kena *be yourself*- *you* [awak] tahu kemampuan *you* [awak]. Ada kalanya *you* [awak] kena pergi *beyond* [melepassi] kemampuan *you* [awak] untuk *you* [awak] melangkah lagi satu tapi ada kalanya orang terpaksa mengaibkan diri dia- pilihan dia terpaksa mengaibkan diri dia, aku nak - naik satu tangga ni, takpelah aku aibkan lah diri aku -- bukan maksud saya aibkan dari segi - macam-macam cara sekarang, kau nak buat muka tu..nyah muka dia “Kenapa Zur Eda muka” - tapi saya--bila kita tenang-kita berfikiran terbuka kita dah ada akur kita pada pekerjaan yang kita pilih, kita akur dengan pekerjaan yang kita pilih dan peredaran masa dan perubahan itu - saya lalui dah berapa dekad saya lalu dari zaman saya '65 [1965] dan sekarang dah tahun 2021. Perbezaan masa dan

peredaran masa berlaku sangat jauh kalau rasa sekarang ni dulu kita takde benda-benda boleh buat *Google Meet* [servis panggilan video] macam ni. Abang posman dia datang hantar surat daripada peminat yang mana kita balas satu per satu, satu per satu saya balas, beribu - *to the extent* [setakat itu] --- [gangguan rangkaian] Memang dia hantar tu berbuntil-buntul dalam guni putih tu - kain tu, surat daripada peminat-jadi sekarang dah tak payah dan sekarang cakap macam *netizen* [pengguna internet]- dan saya pun dah dapat tempias tapi saya dah *prepare* [bersedia]- dan saya tahu diri saya bukan itu yang --- [gangguan rangkaian] ape yang mereka tomahkan kepada saya - *I know* [saya tahu], *my family* [keluarga saya] tahu yang penting keluarga saya kenal saya *you know* [awak tahu]- mereka tahu siapa diri saya, peminat-peminat saya tahu siapa saya. Bagi saya itu adalah satu - *I can say marketing* [saya boleh kata pemasaran] yang sangat baik tapi *you* [awak] kena terima dengan cara yang tenang, tidak melatah - *mental you* [minda awak] kena kuat.

**NMS:** Macam - tadi kita nak cakap pasal - puan cakap pasal album pertama puan tadi, lagu 'Pelitaku' kan - macam puan kata tadi kumpulan 'Artstream' *under* [dibawah] individu yang memulakan- *start* [memula] untuk nak rakamkan lagu pertama untuk puan kan - boleh puan cuba cerita sikit la selain dari kumpulan ni letak individu yang terlibat kemudian macam mana boleh tercetus ilham nak buat album ni, berapa lama siap - puan cerita sikit pasal album pertama puan.

**ZE:** Okay - ini untuk lagu 'Pelitaku' yang *hit* [popular] lah - album tu dulu tak macam sekarang—ada *single*—ada *single-single* - zaman dulu *you* [awak] nak buat jadi penyanyi artis rakaman *you* [awak] kena ada sepuluh lagu - full album --- dalam sepuluh lagu tu kita ada ramai komposer dan penulis lirik yang terlibat - jadi bila saya diterima menjadi artis rakaman on the syarikat 'ASP Record' tadi ni - secara kesimpulannya pulak, dalam waktu tu saya bekerja dengan satu *band* [kumpulan] ni - *band* [kumpulan] saya ni namanya 'Ice Drip' dan suami saya juga ada dalam kumpulan itu sendiri. Jadi diorang ni- kita dulu main muzik hidup kita bangun tidur muzik - bangun tidur lepas makan muzik -takde lain, *practice* [berlatih], makan tidur bangun muzik - bukan sekarang, zaman sekarang lebih mencabar- bukan sahaja kalau *you* menyanyi - kerja *you* [awak] menyanyi je, *you* [awak] kena buat benda lain jugak

*because* [kerana] atas peruntukan ataupun kekangan dalam keadaan sekarang ni- kita faham tapi dulu tak --- [gangguan rangkaian] yelah, tapi kita khususnya untuk muzik- kita tahu kita nak buat persembahan *everyday* [setiap hari] kita kena tukar lagu jadi kita banyak berkumpul bersama – kalau dulu sebelum datang lepak dulu atau balik kerja lepak dulu dekat kedai mamak ramai-ramai makan sup kambing. teh tarik – kita bercerita lagu apa besok nak buat. Jadi bila saya ditawarkan menjadi artis rakaman – kebetulan waktu tu *drummer* [pemain drum] saya tu, Yasmin, dia pun-- . zaman dulu kitaorang suka bermain dekat tembok- bawak gitar kapok kita *jeng jeng jeng jeng* (membuat bunyi gitar) diri sendiri – pastu dia kata “Kita buat la lagu” tulah saya ingat kalau kata nak buat lagu ‘Artstream’-- . Kita ada banyak komposer lain tapi saya utamakan kalau dah boleh kita nak kumpulan ‘Artstream’ buat lagu untuk Zur Eda. Jadi dia pun – *spontaneous* [secara spontan]– bukannya nak tunggu --- [gangguan rangkaian] benda yang nak- memang orang dah kata- dia tertulisnya lagu itu untuk meletup – nak naikkan nama seseorang tu dia terus *spontaneous* [secara spontan] saje – jadi bila dia kata “Boleh, cuba”. Zaman dulu ‘rock-rock’ kapak lu gua lu gua lah kan- duduk kat situ jugak lah kita buat lirik *together* [bersama] dalam satu *band* [kumpulan] jadi – kita cerita kawan pelitaku, “Okay jugak ni kalau kawan pelitaku”. Waktu tu kita bayangkan pelita ni menerangi satu benda kau nak kata kekasihku- dulu kita boleh bayangkan – ‘Pelitaku’ – “Kaulah pelita yang menerangi” (menyanyi)- benda-benda tu *general-general* [umum-umum] untuk dengan --- kepada sesiapa saje *you know* [awak tahu]– yang kita sayang yang memberi kita- menerangkan hidup kita. Jadi kat situ mulanya, kat situ jugak buat lirik saya rase tak lebih dalam dua hari dah *settle* [selesaikan] dah lagu tu.

#### AIMN & NMS: Sekejap nye-

ZE: *Yes* [ya] tak lama pun- dua haritu dah betul-betul siap lah lagu tu maknanya kita dah – mula-mula kita cuba-cuba nyanyi (membuat pergerakan bermain gitar) kita cuba cari lirik yang elok- suku kata dia ape dia *you know* [awak tahu]– jadi kita *chip in ideas* [memberi idea] terus tercetusnya lagu tu lah dan barulah kita ambik syarikat rakaman melantik – *sessionist-sessionist musician* [ahli-ahli muzik] untuk *perform* [laksana]- untuk buat rakaman tu lah – zaman dulu kita panggil *sessionist* [ahli sesi] la memang



kena ada *sessionist* [ahli muzik] untuk gitar jadi waktu tu gitar memang kita ada seorang pemain gi --- [gangguan rangkaian] Indian- Indian, Christian macam tu lah dia tu memang *rock guitarist* [pemain gitar rock] jugak, dia yang solo Ananda ni. Lepastu kita ada *drummer* [pemain drum] Sugito- dia antara yang nama-nama besar dalam industri pada waktu tu lah – begitulah teretusnya lagu tu, dia punya *feel* [rasa] tu

**NMS: Kiranya memang dalam album pertama lagu ‘Pelitaku’ tu lah yang bagi impak, *hit* [popular] semua?**

**ZE: Dalam lagu ‘Pelitaku’ adalah lagu yang menjadi *hit song* [lagu popular] pertama saya lah yang mana sampai sekarang dimanapun saya pergi banyak juga badan-badan korporat – *in fact* [malahan] salah sebuah apani- *broadcasting* [penyiaran] ataupun saluran *broadcasting* [penyiaran] Malaysia memakai lagu tu untuk tema hari guru.**

**NMS: Ha betul-betul sebab maksud dia pun bukan untuk satu *genre* [tema] ni- saya pun minat dalam banyak lagu saya dengar lagu tu macam *best* [menarik] lah bila baca lirik dia tu- suara puan pulak (gelak)--.**

**ZE: Zaman tu zaman-zaman muda belia ya- jadi *best time* [waktu menarik]- peradarannya masa tu umur, peningkatan usia *and all that* [dan semua itu]- bila kita tekak ni dah *seasoned* [berpengalaman] (Jari di tekak)- dia jadi besar- *you* [awak] takkan boleh menjadi halus macam dulu sebab kita dah *seasoned* [berpengalaman] - bukan dia rosak tapi *seasoned that’s why* [berpengalaman sebab itu] saya berubah kepada lagu-lagu lebih kepada irama-irama ‘bosa’- boleh kalau nak nyanyi lagu Ella [penyanyi] pun boleh nyanyi lagi- saya boleh nyanyi lagi tapi jiwa kita tu dah lebih kepada--kita tahu-cuma saya menempatkan diri saya untuk di masa akan datang selepas ini kepada --- [gangguan rangkaian] lain. Kita ada lambakan artis sekarang ni dan di Malaysia ni pun takdelah banyak macam- industri kita ni sangat kecil sebenarnya. Dia tidak macam luar negara lagi-lagi *you tour* [awak menjelajah], lagi you meningkat usia- jadi *value***

*you* [nilai awak] lebih tinggi – tidak diamalkan di Malaysia ni, itu sesuatu yang amat menyedihkan lah *you know* [awak tahu]. Kalau di luar negara lagi *you* berusia lagi *you value you* [nilai awak] lagi tinggi- *you* dah *tier legend* [peringkat tinggi] *you* sendiri dah *level* [peringkat] tu- dia lain beza dia. Jadi macam saya pun sekarang ni saya dah bertukar ke irama yang lebih boleh membantu saya dalam kerjaya saya kesinambungan --- [gangguan rangkaian] jadi saya lebih kepada irama-irama- *it still* [ia masih] *Latin* macam ‘casanova’, rentak-rentak ‘bosa’, rentak-rentak yang *mild* [ringan] bersesuaian dengan usia saya.

**NMS: Menarik. Pastu macam waktu awal-awal- ini berdasarkan yang kami buat *research* [penyelidikan] juga lah kan—dulu zaman-zaman kemuncak kerjaya puan, puan diberi gelaran ‘Sade Malaysia’ sebab kan suara puan yang macam tu. Apa faktor apa tu macam penerimaan orang waktu dengan perasaan puan time bila dapat gelaran tu?**

**ZE:** Sebenarnya *to be honest* [secara jujurnya] saya- bukan nak kata terkejut tu dalam terkejut- dalam macam “Kita tak tahu siapa Sade waktu tu”, “Siapa Sade ni?”- dan muzik dia saya suka – saya suka, tapi lebihnya --- [gangguan rangkaian] wartawan- dulu kita takde *phone digital* [telefon digital] ni ape semua- wartawan yang banyak menulis di akhbar-akhbar yang mengatakan mereka lebih tahu kecenderungan kisah luar yang mana yang tengah *hit* [populer] sekarang dan mereka akan dapat info dulu daripada kita *right* [betul]- *so* [jadi] waktu tu saya bekerja di- menyanyi di Kuantan [Pahang], jadi bila saya menyanyi di tempat saya menyanyi- *a bunch of* [kebanyakan] ‘mat salleh’ [orang asing] bercampur la mat salleh, Melayu, apa semua ramai- jadi mat salleh ni datang, hantar saya satu kertas (tangan membuat bentuk empat segi) dia tulis kat situ “*Can you please sing ‘Smooth Operator’?*” [Boleh tolong nyanyi ‘Smooth Operator’ [oleh Sade] dia kata- saya kata- “Saya tak tahu lagu tu lagu siapa” *and then* [seterusnya] dia tulis kat bawah dia “*You look like Sade and please sing Sade Song*” [Awak menyerupai Sade dan tolong nyanyi lagu Sade] . Saya pun tak tahu nak sebut dulu --- saya pun tak tahu nak sebut dia macam mana sebutan dia, jadi saya kata lagu siapa ni saya tak tahu jadi bila saya di KL [Kuala Lumpur]—KL masa tu banyak la kedai-kedai- di Kuantan [Pahang] tempat dia- bandar dia kecil pada waktu tu ‘80an-

bila sampai KL saya cari kedai rekod, kedai kaset la dulu takda- takdak CD. Saya tanya Cina tu siapa- “Ada tak ini penyanyi nama lagu dia ‘Smooth Operator’ Sade?”, dia kata “Yalo dia punya muka, rambut serupa dia lah”- “Yaka, betul ka saya rasa tengok-tengok (Angkat dan tengok tangan kiri) yela” dan waktu tu memang subang bulat besar tu (membuat bentuk bulatan di telinga)- memang tengah *trending* [popular], tengah *in fashion* [dalam fesyen], tengah *in* [dalam] waktu tu. Jadi memang kita sebagai penyanyi kita penampilan kita mengikut peredaran masa- jadi waktu tu- renung-renung gelang tangan pun ada, pakai subang-subang besar --- [gangguan rangkaian] dia kata bila saya buat album pertama tu yang ‘Pelitaku’ tu- kalau you tengok *cover* [kulit] album tu memang gambar saya waktu *makeup* [solek] ‘80an dulu, rambut, baju masa itu kan kalau tengok sekarang ya ampun aku cakap, “Inikah aku dulu ni kan?” tapi--. Bila mereka gelarkan saya tu saya- berterima kasih lah pada awalnya latu tapi waktu tu memang *trend* [popular], setiap artis gelar- diberi gelaran macam saya Sade- Sade of Malaysia sebab rambut saya ni meremang macam kuda hutan (tangan memberi gambaran rambut tebal) jadi saya suka ikat rambut kebelakang (kedua belah tangan di belakang kepala) sebab kita hari-hari mandi laut- ianya air masin- rambut luruh, rambut ni banyak gugur jadi bila kita pergi tempat kerja kita kena jaga kebersihan, kita takmau- sebab saya bekerja waktu tu di --- [gangguan rangkaian] jadi untuk mengelakkan daripada rambut berterbangan, masuk dekat makanan orang- dengan angin laut berderu-deru kan rambut tiba-tiba dah jadi senget macam tu pulak kan *so* [jadi] saya ambil keputusan untuk ikat je kebelakang rambut secara kebetulannya. Sebab tu saya tak pernah kenal Sade tu siapa jadi saya teruskan imej saya sampailah sekarang ni saya masih lagi- kalau ni saya masih ikat rambut ni atau saya congket je keatas, jadi kat situ wartawan nampak dia kata memang Zur Eda muka- jadi dia gelarkan saya *Sade of Malaysia*. Situlah mula dia wartawan- saya berterima kasih jugak lah dengan wartawan-wartawan waktu era-era kami dahulu yang suka bagi *nickname* [gelaran] lah, bagi gelaran kepada artis-artis- diorang nak buat *content* [kandungan] lah --- diorang akan cari sesuatu benda yang *rare* [jarang] yang diorang nak buat kerja kita- itu pun saya nak berterima kasih lah kepada mereka.

**NMS: Paham-paham. Sepanjang puan jadi artis kan lagi-lagi zaman dulu waktu ‘80an, ‘90an macam tu, puan ada tak kenalan-kenalan artis yang mungkin ada hubungan rapat – macam BFF [Best-friend-forever] ka dengan kawan-kawan artis zaman dulu?**

ZE: Sebelum jadi artis?

**AIMN & NMS: Semasa menjadi artis.**

ZE: Okay, waktu menjadi artis- saya *of course* [tentunya] dengan era-era '80an saya. Okay kita ada Rohana Jalil, Zaiton Sameon dan kita ada- antara sahabat-sahabat saya lah *and* [dan] Allahyarham Datuk Nassier Wahab. Ini antara geng-geng kami '80an kami- untuk '80an kami sangat-sangat akrab *even* [malah] sampai ke hari ini- masih lagi --- [gangguan rangkaian] tukar-tukar *show* [persembahan] tapi cuma sekarang ni dua tahun, setahun, dan setahun lebih atau dua tahun ni memang- kita pun tahu kita dalam keadaan yang ini kan- jadi memang takde *show* [persembahan] pun, lebih kepada sekarang ini dengan alam maya *and all that* [dan sebagainya]. Tapi kami saling bantu membantu lah waktu tu- *effect* [kesan] sampai ke hari ini lah alhamdulillah keakraban kami tu.

**NMS: Kira puan kenal mereka *start* [mula] dari dalam *show* [persembahan] ke ataupun ada aktiviti apa-apa macam boleh *start* kenal--.**

ZE: Takde! Macam Zaiton saya kenal dia dulu waktu dia penyanyi kelab- macam Rohana Jalil pun memang dia penyanyi kelab belum jadi artis rakaman, kami--. Kelab antara kelab kita tahu "Pergi ke kelab sana kita *support* [sokongan]", "Eton menyanyi kat sini kita *support* [sokongan]". Kita biasa pernah tengok diorang jadi kita --- apabila dah buat *event* [peristiwa]- dah menjadi buat *recording* [rakaman], kita nak haluan masing-masing tapi bila dekat *show* [persembahan] kita- bila *organizer* [penganjur] kadang-kadang dia jemput- semua dia gabung kan semua artis-artis ni kan jadi kat situ kata "Alhamdulillah kita dah ada album" (dua telapak tangan bersatu) jadi sesuatu yang kita tak sangka pun, kita sangka pun alhamdulillah- yelah kita *congratulate everybody* [mengucapkan tahniah untuk semua orang], kita dalam bidang yang sama- kita bantu membantu kadang-kadang "Aku takleh buat *show* [persembahan] ni, boleh tak tolong?

Kalau kata boleh saya masukkan- masukkan nama kau Eda boleh tak?” “Boleh, saya pun *free date* [bebas pada tarikh] tu”. Kita banyak membantu dari- kita saling bantu membantu lah, baik bukan dari segi *show* [persembahan], dari segi- kalau kata ada perjumpaan, ada kematian, sakit waktu saya sakit dulu-dulu pun ramai artis-artis ‘80an *you know* [awak tahu], sahabat-sahabat saya tu pernah tebas --- [gangguan rangkaian] jenguk saya di ICU [Intensive Care Unit] waktu saya koma dulu, mereka memberi semangat.

**NMS: Kiranya dengan diorang puan pernah lah berduet ke *collab* [kolaborasi] dengan diorang?**

ZE: Kita ada buat album-album raya kolaborasi bersama kan buat- kalau macam sekarang ni dah ada *single*, so kita buat album-album hari raya ataupun rase “Jom lah kita buat *single*, saja suka-suka”. Sekarang ni nak buat *single* pun bukan susah, rakaman pun dah takpayah pergi studio- sewa studio yang *you know* [awak tahu]- yang be-beribu-ribu, buat dekat rumah macam gini pun dah boleh buat *because all the tools* [kerana semua alatan] dah ada sekarang ni. *Mini studio* [studio kecil] pun dah kita boleh buat rakam suara kita. Jadi, ada dua tiga yang kami buat bersama-sama sahabat perjuangan lah.

**NMS: Okay-okay, sekarang ni puan dah lama jadi artis kan- puan ingat tak dah berapa banyak album ataupun single-single lagu yang puan dah keluarkan sepanjang karier jadi penyanyi ni?**

ZE: Untuk album saje saya ada tiga album- tiga album dimana *it's a fully* [ia sepenuhnya satu] album, 10 lagu lah *full* [sepenuhnya] album- ‘Pelitaku’ 1987, ‘Lama Tak Jumpa’- ‘Lama Tak Jumpa’ ’90 [1990], ’92 [1992] album Zur Eda ‘Kelmarin’.

**NMS: Zur Eda-?**

ZE: 'Kelmarin'- album 'Kelmarin' album Zur Eda sahaja tapi lagu dalam itu yang kita *highlight* [pentingkan] kan adalah lagu 'Kelmarin'.

**NMS: Dia dalam- dalam banyak-banyak lagu yang pernah puan buat ni apa lagu yang paling *favourite* [kegemaran] puan?**

ZE: Kalau kita tanya *my first born* [lagu pertama saya] lah dimana lagu 'Pelitaku'. Dia- dia tak kan boleh sama- macam anak sulong, dia tak boleh dua-tiga anak sulong *you know* [awak tahu]- tapi itu semangat jiwa dia punya *feel* [rasa] untuk lagu tu sendiri yang mana kita tengok, masih *relevant* [berkaitan] sehingga ke hari ini- dimana pun saya pergi masih menjadi permintaan, "Pertama, Zur Eda saya nak tiga lagu ni, 'Kelmarin', 'Lama Tak Jumpa', dan 'Pelitaku'". Itu je dia punya permintaan. Jadi kadang-kadang saya- saya rase taktahu nak buat ape beribu kali sepanjang ni saya dah menyanyi lagu tu.

**NMS: Jadi bila nyanyi lagu 'Pelitaku' dia macam mengimbar balik waktu mula-mula jadi ni- dengan rakamannya, faham-faham. Okay *next* [seterusnya].**

**AIMN: Okay saya nak sentuh sikit tentang- *personal* [peribadi] sikit ja, saya nak tanya dekat puan, pengalaman yang paling pahit yang tidak dapat puan lupakan sepanjang menjadi anak seni ni-- Peristiwa pahit la.**

ZE: Peristiwa yang pahit la, yang manis ka pahit?

**AIMN & NMS: Pahit, pahit dulu dalam karier puan.**

ZE: Yang pahit tu jangan difikirkan. Kita jadi kan dia pengalaman, kita jadi kan dia pengajaran. Saya orang yang- macam mana saya nak cakap lah- saya tahu benda tu pahit, saya biarkan dia berlalu --- [gangguan rangkaian] saya sentiasa fikirkan yang manis-manis okay, tapi bukannya buang benda tu jauh dia ada tapi di satu sudut yang (tangan kanan di dada)- bila *you* [awak] perlu *you* [awak] akan bukak tingkap dia untuk *you* [awak] jenguk balik apa yang pahit tu supaya *you* [awak] tak *repeat the same own mistake* [mengulangi kesilapan yang sama] yang *you* [awak] buat. Bila *you- you* [awak] jangan tengok benda yang pahit tu- benda tu akan menghayal kan *you* [awak], dia akan menghayalkan dan menghayutkan *you* [awak]. Dia kata “Ya Allah susahnyaku dulu- aku teringat lah- kalaulah masa tu aku- kalau- kalau!” Kalau boleh buang perkataan dalam *vocabulary* [kosa kata] ‘kalau’ --- [gangguan rangkaian] benda dah lepas, dah jadi pun tapi sebenarnya terjadinya benda itu yang membuat kan *you* [awak] menjadi sekarang dengan cara- *you* [awak] sentiasa *be positive* [jadi positif], *you* [awak] ambik berat, *you* [awak] ambik tahu kenapa jadinya benda tu, bukannya “Kalaulah masa tu aku betul-betul”, “Kalaulah aku ni”, kalau- *no* [tidak]. “Kenapa aku jadi macam itu”, “Okay aku faham, *no more doing that, no more* [tidak lagi melakukan itu, tidak lagi] ”.

**AIMN: Okay, selain peristiwa pahit tu, saya nak tanya pengalaman yang manis pulak yang tidak dapat dilupakan?**

ZE: Manislah sangat! (ketawa)- manis ni sangat menerujakan, manis ni untuk sebagai adat seni alhamdulillah saya --- [gangguan rangkaian] anak-anak, berkat daripada doa suami dan anak-anak dan keluarga. Berdirinya \_ adanya tercatat dalam sejarah industri muzik nama Zur Eda itu yang mana akan sentiasa ada- akan sentiasa- bukan hari-hari *you* [awak] akan buat sesuatu orang ingat kat *you* [awak], diorang akan ingat kat *you* [awak]- walaupun kadang-kadang dah lama “Aku teringat dia tu, ya Allah betul la dia tu” *you* [awak] ingat. Jadi itu antara manis yang- yang manisnya saya kecap waktu- saya mengharung kepayahan, saya merangkak *you know* [awak tahu] untuk saya berdiri sekarang ini menempatkan nama saya tu --- [gangguan rangkaian] di mata industri ini. Manis dia tu yang dulu tu lah, pahit yang dulu tu- dia dah kocak taruh gula taruh apa semua dia bancuh taruh apa ni- nisan *you know* [awak tahu], nisan pun aku

bercakap lani- tu gula Melaka nah, gulai kabung, gulai nyok- manis-manis. Sekarang lah kemanisannya, *you don't have to work hard in the sense of* [awak tidak perlu bekerja keras dalam erti kata]— tak payah meria-ria nak menempakan diri *you, you* [awak] tak payah nak mengaibkan diri *you* [awak], menviralkan diri *you* untuk *you* dikenali okay. Apa yang *you* [awak] perlu buat sekarang adalah terus belajar, *polish* [memperkuatkan] bidang yang *you* [awak] buat dan saya- saya masih bagitahu *you all* [awak semua]- saya masih --- [gangguan rangkaian] dari dulu irama ni dan sekarang saya dah ke irama yang lain *genre* [tema] muzik latin- bendenye kita kena belajar cara penyampaian, cara *lingo* [penyampaian] , cara sebutan, cara mana *you* [awak] menempatkan *society* [masyarakat] yang macam mana untuk lagu ni boleh diterima masyarakat, dan itu yang saya- saya belajar. Macam saya kata tadi pengalaman tu, pengalaman-pengalaman manis, yang pahit saya dah maniskan sekarang ni- kita maniskan macam tu. Kau faham tak apa yang aku cakap ni, faham dak, faham kan? Bahasa dia ala-ala “taktu besa lah *made-made talk like this la you know* [cakap macam ni la tau]”. Tapi banyak kenangan-kenangan manis --- \_ bukan burung, kelkatu masuk dalam mulut- telan *you know* [awak tahu], itu sebenarnya bukan kenangan-kenangan manis yang memang kenangan yang sangat lawak dan situ saya menyanyi di – saya buat *road tour* [lawatan] di Sarawak, saya menyanyi di Kapit [Kapit, Sarawak]. Dulu bandar Kapit ni memang terpencil, jadi waktu tu *funfair* [karnival], bila kita *funfair* [karnival] di Sarawak, itu bukan suatu tempat yang kita pergi ia akan *move on* [teruskan]- okay kawasan sini Kapit, Belaga, Saratok dan Kabong- dia akan pusing (tangan kanan membuat tunjuk arah), dan sekali tu saya pergi ke Kapit--Kapit waktu tu takde apa yang- yang sangat- *first time* [pertama kali] lah pergi Kapit tu --- [gangguan rangkaian] tempat dia tempat orang kan, jadi pergi sana- menyanyi dekat *funfair* [karnival] saya kata bila *funfair* [karnival] dulu *payment* [bayaran] bagi *sixty forty* [enam puluh empat puluh], *seventy thirty* [tujuh puluh tiga puluh] tauke ambik *thirty* [tiga puluh] kita ambik *seventy percent* [tujuh puluh peratus]. Memang hanyut lah memang sia-sia kena baham ja lah ni--nak naik bot tu pun balak pun kita nampak macam buaya—tu pengalaman manis tu. Masa dekat sungai Sarawak tu *you know* [awak tahu], Sungai Rajang [Sarawak, Malaysia] tu memang nak menghala daripada Sibul [Sarawak, Malaysia] saya naik bot sampai ke Kapit {Sarawak, Malaysia} tu kena naik bot- bot *speedboat*--bukan *speedboat* [bot laju]--bot yang ada enjin lah tapi bukannya bot laju ni pastu bila katakan diorang- saya tengok kiri kanan (kepala beralih kiri kanan)- bila air tu pasang surut dia beting tengah-tengah, beting dia landai, kita



dah tersangkut dekat situ kalaulah kata --- [gangguan rangkaian] buat *show* [persembahan] ramai-ramai tu kita sama-sama turunlah dengan bawak beg dengan kasut gantung dekat leher (tangan memberi gambaran rantai leher), tolak bot- ya zaman tu memang *fun* [seronok], kenangan yang sangat-sangat manis. Jadi pada malam saya buat *show* [persembahan] dekat Kapit [Sarawak, Malaysia] tu, saya tanya dengan tauke “Tauke, ini *show* [persembahan] *you* [awak] ada sudah jual tiket?” “Mesti ramai punya, kita panggil--.” – masa tu artis semenanjung datang, memang bukan kaleng-kaleng [buruk] lah, dia punya penuh- tapi kat situ, dekat kawasan situ diorang punya *funfair* [karnival] takde tutup, *so* [jadi] saya terfikir, apa kejadiannya orang nak masuk bayar tiket *while* [sambil] orang boleh tengok dari luar?

**AIMN & NMS: (ketawa) Betul!**

ZE: Saya tanya suami saya “Kenapa pulak diorang ni--.” --- [gangguan rangkaian] kalau tutup, takpayah- takpayah tutup. Diorang mau, diorang mesti masuk punya. Saya pun percaya dan tak percaya lah, jadi pendekkan cerita, malam pun sampai. Saya dah bersiap- saya ni tengok orang telinga-telinga panjang (tangan membuat gambaran telinga panjang) suku-suku kaum dia kan, mereka datang pakai baju-baju diorang lah, ada juga yang pakai baju biasa- dia macam pesta, *funfair* [karnival] pergi-pergi makan, orang berniaga-niaga dekat luar sebelum masuk gerbang pintu tu. Gerbang- tepi-tepi tu semua dah tali rafia ja (tangan macam memegang tali nipis), tali rafia je. *So* [jadi], saya pun datang- kita kan artis semenanjung kan “Wah, Zureda Zureda”, dia tak panggil Zur Eda, dia panggil ‘Zureda’ --- [gangguan rangkaian] \_\_ lagu dak dekat Kapit, tapi hati ni *question mark* [tanda tanya] mengering-gering dekat dalam otak “Apa habislah aku *show* [persembahan] dekat sini, tak berduit lah” tak bergaji lah. Saya pun pergi, masuk *standby* [bersedia] dekat belakang, *drummer*- ada *drummer* [pemain drum]--. *Main live* [secara langsung] kami tak pakai *minus one* [rakaman suara], kita main live [secara langsung]- dah pulak, *drummer* [pemain drum] tak datang.

**AIMN & NMS: (ketawa) (geleng kepala)**

ZE: *Drummer* [pemain drum] tak datang, siapa yang nak main drum? Kalut lah yang ni pulak pasal *musician* [pemuzik]. Tauke kata “Takpa-takpa saya panggil itu budak bikin tiang punya pasang punya dia tau main drum”. Saya kata “Huh? Takkan budak pasang tiang nak main drum?”, “Habishlah lagu aku ni---[gangguan rangkaian] taklara dah ni” tapi diorang pun kata “Okaylah bantailah”. *Drum stick* [batang drum] takde budak tu ‘cause he’s not a drummer [kerana dia bukan seorang pemain drum] dia *carpenter* [tukang kayu] dia tukang buat ketuk-ketuk benda ni (mengangkat tangan seperti menggunakan tukul] jadi, patahkan pokok yang kat belakang ranting sebagai kayu *stick* [batang] *drumster* [pemain drum] untuk main drum. Okaylah saya kata “Apa nak jadi- jadi lah Labu, aku dah sampai dekat sini” sebab kita pergi tempat orang kita pergi tempat yang kita tak tahu, kita akur je lah “ya-ya-ya okay-okay” (mengangguk kepala) takut kan tak balik. Jadi dah *settle* [selesai] kita tengok- kita boleh nampak orang dekat luar ni ramai ni- rama, kata “Memang mereka duduk di luar je” Takpelah. Diorang pun nak *announce* [umumkan] pakai \_ tu *show* [persembahan] dah nak *start* [mula] --- [gangguan rangkaian] dengan *drummer* [pemain drum] tu ketuk-ketuk kan dah patah, seminit lagi dah memang *standby* [bersedia] dua tiga batang kayu tu- batang ranting tu dah ada dekat dia. Dia pun ni- saya pandang sekali lagi, saya tengok orang dah beratur bayar dekat pintu gerbang yang nak masuk *funfair* [karnival] tu tadi. Diorang bayar masuk, saya pun *question mark* [tanda tanya] “Kenapa ya?” Tak macam kita kan- kalau saya, saya tak bayar- saya tengok dari luar, betul? Jadi bila dia masuk- masuk ramai duduk depan ni penuh (tangan memberi gambaran betapa banyak orang], penuh- penuh macam ulat tahi orang kata, penuh- memang betul la kalau artis semenanjung turun Sarawak [Malaysia] memang penuh, di bahagian-bahagian terpencil macam tu kan. Jadi saya pun menyanyi, saya menyanyi dan saya tengok “Baguslah diorang ni” kita *appreciate* [bersyukur] lah orang sanggup --- [gangguan rangkaian] lima ringgit [RM5.00], untuk tiket baru lima ringgit, orang dewasa baru lima ringgit, untuk kanak-kanak dua ringgit, ya lah penuh. Alhamdulillah ni (tangan mengangkat seperti membaca doa) alhamdulillah dapat lah sikit habuan kan, ada gaji lah. Menyanyi-menyanyi lagu ‘Pelitaku’ diorang semua *sing along* [menyanyi bersama], tapi kelkatu- kawasan pendalaman, kampung- kelkatu- tahu tak kelkatu apa dia?

### AIMN & NMS: Tahu-tahu.

ZE: Kelkatu-pepatung-kelkatu tu banyak, aduh saya (tangan mengibas di kawasan muka) sampai saya terpaksa buat *control* [kawal] lah kerana penampilan itu penting, kalau tak raket ke apa (tangan seperti memegang raket dan mengibas) “pang-pang” itu kan tapi kita tengok dia- nak menyanyi takut masuk mulut (jari tunjuk ke mulut) saya pun-*part* [bahagian] korus tu saya ajak mereka [penonton] nyanyi bersama saya tanda *appreciate* [syukur] diorang dengan saya jom menyanyi bersama-sama dengan saya kan, menyanyi “Kaulah pelita yang menerangi hidupku” [bernyanyi lagu ‘Pelitaku’] - -- [gangguan rangkaian] kelkatu yang tadi ni, dah tercekik pulak- dekat tekak dengan air pun takde dekat situ saya mengambil keputusan untuk kumpul-kumpulkan air liur telan, saya telan lah. Jadi masa nak telan tu dia tersekat- saya dah tak boleh nyanyi, jadi saya cakap dengar saya- sebagai penyanyi, *you* [awak] kena bertindak dengan cepat, *you* [awak] kena- otak *you* [awak] kena tahu jalan jalan macam mana untuk menyelamatkan keadaan. \_\_ sebenarnya benda dah tersekat, buat-buat lah batuk macam tu kan (berlakon batuk) “Okay macam ni lah, kami nak semua bernyanyi dengan saya, boleh tak?” --- [gangguan rangkaian] *action* [aksi] yang mana saya panggil peminat yang dekat depan tu liga sangat nak naik *stage* [pentas], kat sana tu diorang ada *bodyguard* [pengawal peribadi] banyak lah sebab orang Sarawak [Malaysia] ni- dia punya obses tu berlain, obses dia sangat berlain jadi kita tak nak yang- semua dah mabuk (badan bergerak kiri kanan seperti mabuk) yang minum air tuak *and all that* [dan selain itu] kita takmau keadaan yang \_ terjadi lah, jadi kita kena *control the crowd* [kawal penonton]. Jadi, saya pun panggil yang- bawah ni perempuan saya panggil untuk menyanyi- untuk *cover* [selamatkan] saya lah, nyanyian yang tak sampai tadi ni sebab dah tersekat dekat sini ni (tangan memegang tekak), dua ekor-

### AIMN & NMS : Dua ekor?

ZE: Ya, dua ekor masuk ni- jadi saya panggil dia menyanyi dengan saya. Alhamdulillah saya *survive* [bertahan] malam tu dengan dua kelkatu yang saya telan kan. Orang kata “Pernah tak *you* [awak] makan kelkatu?” “Pernah” --- [gangguan rangkaian] tak

sengaja benda tu. Itu adalah pengalaman-pengalaman manis lah, banyak lagi sebenarnya.

**NMS:** Seronok dengar puan cerita (ketawa). Macam ni sekarang perkembangan industri muzik puan pulak macam mana- macam tadi puan ada *mention* [menyebut] puan pernah *join* [menyertai] *tour* [lawatan] 2016- *join* [menyertai] 'Gegar Vaganza' [program realiti televisyen] betul kan?

ZE: *Yes, yes.* [Betul, betul]

**NMS:** Dan baru-baru ni saya nampak puan dekat Astro program *All Together Now* [rancangan televisyen] saya nampak puan menyanyi, boleh tak puan cerita sedikit macam mana puan boleh masuk 'Gegar Vaganza' [program realiti televisyen] kenapa, kenapa masuk acara *All Together Now* [rancangan televisyen] ni?

ZE: Okay, untuk 'Gegar Vaganza' tu sebenarnya- setahun sebelum itu, saya dilanda- saya sakit sebenarnya --- [gangguan rangkaian] bukan dilanda, maksudnya saya penyakit batu karang dalam buah pinggang pada tahun 2015 dan waktu tu saya ditidurkan untuk selama- lama jugak lah dua minggu macamtu, seminggu, dua minggu macam tu lah, saya ditidurkan kerana diorang nak *try* [cuba] nak keluarkan (tangan memegang di pinggang) karang yang dalam buah pinggang saya tu. Jadi waktu tu memang lah- orang dah kenal siapa Zur Eda *and all that* [dan sebagainya]. Bila keadaan tu terjadi, saya lebihnya berehat lah di rumah, semua dah *settle* [selesai] saya berehat, saya tak boleh sangat- kita dah terlantar dua bulan di hospital. Saya cuba bangkit nak berjalan- saya nak berdiri pun saya tak berapa kuat tapi pasal semangat saya ni saya --- [gangguan rangkaian] kaki saya balik, bila *you bedridden* [awak sakit] bila *you* [awak] terbaring lama tanpa ada pergerakan, jadi kaki otot *you* [awak] lemah, *so* [jadi] saya cuba bangkit ini dan- saya fikir saya teruskan duduk saya tak bangkit, memang saya akan terus lenyap dalam industri ini. Saya kena ambil satu tindakan yang mana, saya je yang boleh selamatkan- yang boleh membantu diri saya, kita kena bantu diri kita. *Last*

[akhir] daripada *of course* [sudah tentu] suami, anak-anak yang memberi semangat, yang jaga saya tapi selebihnya untuk saya berdiri sendiri, untuk saya melangkah balik, saya kena buat sendiri. Sampai bila saya nak orang tolong buat kan untuk saya, jadi saya --- [gangguan rangkaian] tak berapa kuat. Kemudian saya tengok diorang dah start TV [televisyen] satu, TV [televisyen] pertama, kita ada Ifa Raziah, Ayai Illusi, Fazil Zainal untuk musim pertama, tahun 2015. Saya layan benda tu “Baguslah benda ni, rancangan ni” jadi saya tengok orang menyanyi kita menjadi semangat, saya nak bangkit balik. Masa tu *Astro* [televisyen] tak *offer* [tawar] saya lagi, kemudian pada 2015, saya dah boleh bangkit- saya tunjukkan kepada masyarakat, *fan* [peminat] saya, saya berkongsi kepada diorang yang saya dah boleh berdiri sendiri walaupun dalam keadaan pilihan saya. Jadi lepas pada tu, saya dilamar --- [gangguan rangkaian] *cameo* [berlakon] untuk Haiza sebab Haiza menyendangkan lagu saya, lagu ‘Kelmarin’. Dia dapat *task* [tugas] untuk buat lagu saya, lagu ‘Kelmarin’, pada minggu keberapa tak silap saya minggu ke- minggu kelima kot, minggu kelima macam tu. Jadi dia kata boleh- *Astro* [program televisyen] cakap “Boleh ke puan Zur Eda, *are you* [adakah awak] dah okay?”. Walaupun saya tahu saya tak- tak berapa kuat tapi saya kat saya kena keluar, saya kena keluar. Jadi bila saya keluar, saya berdiri, saya taknak malu saya kena berdiri betul-betul saya kena jaga, itu yang buat kan kita kuat. Jadi bila \_ untuk Haiza, saya buat *cameo* [lakonan] tu, lepastu- *the next year* [tahun depan] je, saya diundang dan ditawarkan --- [gangguan rangkaian] pada tahun 2016, 2016 tu GV3 [rancangan televisyen] sebenarnya. Saya mula kata “Saya taknak lah, nak *join-join* [serta-serta]” kan kadang-kadang kita takut pun ada tapi saya fikir balik ini adalah satu *platform* [pentas] untuk saya *memarketkan* [mempasarkan] diri saya, bukan untuk menang, menang itu *bonus* [tambahan], tapi untuk me- *memarketkan* [mempasarkan] diri saya, \_ sendiri buat *marketing* [pemasaran] kita menggunakan banyak belanja *right* [betul], saya kata saya- baik saya masuk, untuk saya market [mempasarkan] diri saya. Jadi bila saya masuk GV3 [rancangan televisyen] tu, alhamdulillah saya *survive* [bertahan] sampai minggu keenam --- [gangguan rangkaian] dan disitulah perjalanan- episod baru setelah bangkit daripada sakit tadi ni, saya bangkit balik untuk minggu ni- saya punya bateri ni dah nak ‘kong’ [kosong]. Naqib! Naqib! Sat ya --- [gangguan temu bual selama enam minit]. *Sorry-sorry* [maaf-maaf] mencari benda alah ni sajenye kat mananye taruh, memang macam tu.

**NMS: Maaf puan sebab tengok dah *time* [masa] lebih pukul lima dah (ketawa).**

ZE: Memang lah kita- takpe mana yang saya boleh bantu jadi mungkin lepas ni --- [gangguan rangkaian].

**NMS: Tadi puan habiskan part [bahagian] Gegar Vaganza [rancangan televisyen] dengan *All Together Now* [rancangan televisyen] tu.**

ZE: Okay di- bila saya diterima saya start dari *cameo* [berlakon] untuk Haiza- saya keluar-waktu tu memang kaki tu tak berapa nak *stable* [stabil] sangat tapi kerana semangat-semangat nak tunjuk kepada *fans* [peminat-peminat] sentiasa di belakang saya membantu keluarga dan yang pentingnya saya- untuk diri saya- untuk sendiri saya, saya kena bangkit kalau bukan untuk orang lain saya buat kerana Allah untuk saya berdiri semula dalam industri ini kerana industri ni tempat aku cari makan, inilah tempat saya cari makan, saya membesarkan anak-anak --- [gangguan rangkaian] kehidupan untuk warga saya, *financially* [secara ekonomi] membantu suami saya, saya kena bangkit- banyak benda yang saya buat yang membuatkan saya berdiri waktu tu jadi bila dia *offer* [tawar] menjadi *cameo* [berlakon] untuk Haiza, dia panggil saya-saya terus buat “Burung-burung!” (menyanyi) Haiza pun terkejut- memang Haiza tak tahu kemunculan saya, GV [Gegar Vaganza] diorang buat *content* [aktiviti] untuk suka *surprise-surprise* [kejut-kejut] orang kan *content* [aktiviti] dia. Jadi disitu bagi saya, saya nampak *on marketing site* [dekat tapak pemasaran] dia, ini rancangan yang besar- Gegar Vaganza ni rancangan realiti TV [televisyen] yang sangat besar waktu tu *at that time* [pada masa itu] impak sampai sekarang pun, *number one* [nombor satu] realiti TV [televisyen] yang memang --- [gangguan rangkaian] saya berdiri, saya bangkit, saya kena pandai cara- kalau rasa nak jatuh saya macam mana nak pusingkan diri saya (bergerak seperti menstabilkan badan) jadi saya boleh *stable* [stabil] balik, *so that's how* [begitu cara] benda tu- yang menempatkan saya kepada *fans* [peminat] saya, masyarakat yang tahu Zur Eda dah kembali, dah tutup kisah dia sakit ni- kita tidak mahu lagi orang yang kata-kata “Dia sakit lah itu hari, kesian”. Saya tak mahu benda tu sedih, benda sedih ni kita akan sentiasa dalam kemurungan, sedih, kita hayal, kita

tak boleh makan. So [jadi], *a year after that* [setahun selepas itu] untuk musim ketiga, GV3 [Gegar Vaganza Musim 3] mereka jemput saya pergi *audition* [uji bakat]- saya pergi *audition* [uji bakat] dengan sahabat saya --- [gangguan rangkaian] dia yang pergi semangat “Pergi lah Zur Eda, kau pergi lah, aku pergi *audition* [uji bakat] jugak” kata dia. Dia yang bawak saya- dia *drive* [pandu] saya pergi ke- waktu tu di PARKROYAL Hotel [Kuala Lumpur, Malaysia] buat *audition* [uji bakat] di situ. Sampai *turn* [giliran] dia, rupanya dia dah berpakat, dia taknak *join* [sertai], dia taknak *audition* [uji bakat] “Aku datang ni nak hantar kau je”, itulah kisah dia gadis Rohana Jalil sahabat saya- kira kakak lah yang *drive* [pandu] saya, daripada suami dan anak-anak yang bagi semangat “You [awak] boleh *you can do it* [awak boleh buat]”, adik beradik saya “Boleh ke? kalau dia tak terima macam mana? “Tapi takpe, dia yang rugi kalau tak terima aku” nak tunjuk semangat saya ni memang --- [gangguan rangkaian] dia kata “Lagu apa yang akak nak nyanyi?”, “Saya nak *audition* [uji bakat] lagu ‘I Will Survive’” kerana ‘I Will Survive’ ni satu ayat yang- sangat luas maksudnya, dia mempengaruhi perjalanan hidup saya. Banyak kali saya jatuh, bangkit, balik jatuh, bangkit dan macam-macam yang saya lalui untuk saya- macam saya kata tadi menempatkan diri saya sebagai artis rakaman tanah air, saya nyanyi lagu tu, saya nyanyi and *I don’t care* [saya tidak kisah]. Masa tu *producer* [penerbit] dia adalah Puan Nana, Nana J Hussin, Encik Daus, Syahrudin- ada dua tiga- ramai depan kita ni, budak-budak semua dah macam baya- macam *you all* [kamu semua] ni lah --- [gangguan rangkaian] penyanyi tak mengenal usia, *prove to them* [buktikan kepada mereka], *you* [awak] nak diorang *respect* [hormat] kepada *you* [awak]. *When you want people to respect you* [apabila anda mahu orang menghormati anda], *you* [awak] kena *respect* [hormati] orang jugak, cara macam mana *you respect in what you want to deliver* [awak hormati apa yang awak nak menyampaikan]. *You* [awak] nak pergi *audition* [uji bakat], *you respect* [awak hormati] dengan lagu yang *you* [awak] nak bawak dan alhamdulillah dah saya cuba yang terbaik dan selebihnya itu adalah rezeki Allah, memang rezeki saya haritu, saya diterima untuk masuk ke GV3 [Gegar Vaganza Musim 3] bersama barisan-barisan artis yang memang suara diorang tu *power-power* [kuasa-kuasa]. Jadi memang GV3 [Gegar Vaganza Musim 3] tu adalah GV [Gegar Vaganza Musim 3] yang saya boleh katakan dan mungkin- *netizen* [pengguna internet] pun katakan dah memang tercatat dalam sejarahnya adalah --- [gangguan internet] paling *trending* [sensasi] pada waktu tu, pada satu malam tu lebih- sembilan juta lebih orang walaupun ada bola kita saing dengan bola tau pada waktu tu (dua tangan

bergerak seperti melambai), GV [Gegar Vaganza] tetap nombor satu *trending* [sensasi]. *It's an achievement* [ia adalah satu pencapaian] lah diorang yang ada kerja produksi *you know* [awak tahu] yang menjadi rancangan tu begitu *gah* [gagah] pada waktu tu--. Dan bila ditambah pulak lagi- bila saya diterima tu, saya terkena—sekali lagi memang gembira, teruja, seronok tapi ada sedikit (jari membuat bentuk bulat) rasa takut. Dalam kita membuat apa jua pekerjaan, *don't be overconfident* [jangan terlalu yakin], jangan *overconfident* [terlalu yakin], kena ada rasa sikit takut *in fact* [sebenarnya] sampai sekarang, walaupun saya dah bertahun lebih, dah tiga puluh enam [36] tahun saya --- [gangguan rangkaian] tapi masih lagi ada rasa guguk, takut ya Allah, tapi kita selit dengan doa sebagai orang Islam kita banyak berdoa permudahkanlah ya Allah, permudahkanlah urusan aku harini. Yang penting, *the show must go on* [persembahan mesti diteruskan], walau apa pun keadaan, kejadian, *the show must go on* [persembahan mesti diteruskan]. Kita takde suara, *you* [awak] tengah dikecam jangan biarkan suara-suara biawak ini membunuh semangat *you* [awak], pedulikan mereka, *now* [sekarang] antara *you and yourself* [awak dengan diri sendiri], bukan *you* [awak] dengan juri, bukan *you* [awak] dengan *fans* [peminat], *you and yourself* [awak dengan diri sendiri], *you* [awak] dengan diri *you* [awak], *you want to prove to people* [anda mahu membuktikan kepada orang ramai], *you* [awak] nak tunjuk pada orang, semangat *you* [awak] --- [gangguan rangkaian] \_\_ tahun 2021 ni *onwards* [ke hadapan], tahun 2016, saya nak orang terima saya 2016, 2017, 2018, 2019, 2020, 2021, InsyaAllah selamanya, *so I must prove to myself* [jadi saya mesti buktikan pada diri saya sendiri], *and yet* [dan pada itu] alhamdulillah berkat doa, kawan-kawan semua, suami *especially* [lebih-lebih lagi] anak-anak dan juga daripada *support* [pertolongan] *team-team group* [kumpulan- kumpulan] Produksi sendiri, rezeki \_ sampai minggu keenam, minggu keenam tu musim yang terakhir saya tersingkir, *well it's okay* [baiklah] saya redha, saya tak marah --- [gangguan rangkaian] kejar kemenangan, apa yang saya pilih, menjadikan saya pada hari ini, orang terima saya, orang ingat saya- orang masih ingat saya tentang GV [Gegar Vaganza], orang ingat saya tentang- yelah kita tahu tentang *production house* [studio produksi], *broadcasting* [perniagaan] mereka pun berniaga *so* [jadi] *well* [juga] saya kira saya sangat bertuah dipilih untuk mereka dijadikan *content* [kandungan], untuk dikecam *netizen* [pengguna internet], sebagai mak lampir, pakai bomoh, kalau orang kita ni macam-macam- kalau pakai bomoh, saya tak pergi la seratus ribu, saya pergi yang luar negara punya kan? Kalau akal nya, tapi bila *you* [awak] cuba nak berkata macam tu, *you* [awak] melawan



bercakap dengan- maknanya *you* [awak] sama macam diorang dalam pemikiran *you* [awak], *so well I said okay, good* [jadi baik saya berkata okay, baik] saya berterima kasih kepada Astro [program televisyen] --- [gangguan rangkaian] semuanya datang dari produksi sendiri, jadi saya pun takde simpan marah, dendam atau apa pun tidak, sesuatu yang baik alhamdulillah saya buat *marketing* [pemasaran] saya tapi selepas itu perjalanan saya, saya yang atur pulak- saya atur perjalanan saya bila dah diberi *marketing* [pemasaran] macam ni, orang dah ingat *you* [awak], selepas pada tu (pergerakan tangan) terus saya berjinak-jinak dengan berniaga. Ada orang ingat “Zur Eda buat apa?”, “Zur Eda buat mee kari lah, dia ada kedai dia masak mee kari”, “Zur Eda mana ya? Oh Zur Eda GV, yang masuk GV tu, yang mak lampir tu” Orang ingat, orang yang buruk akan ingat, yang baik orang tak ingat *it's okay* [itu okay] *don't worry* [jangan risau], *you* [awak] tahu diri *you* [awak] *and then* [dan seterusnya] selepas pada tu pada tahun sudah --- [gangguan rangkaian] pada bulan berapa saya dijemput untuk masuk rancangan ‘All Together Now’, jadi saya antara *celebrity* [artis] dalam banyak-banyak GV [Gegar Vaganza] antaranya saya dipilih untuk *join* [sertai] dalam kategori- dalam rancangan ‘All Together Now’ tu lah- yang mana rancangan tu kita tahu lah memang rancangan luar negara yang diserap masuk untuk Astro [program televisyen], untuk *content* [kandungan] diorang lah, untuk program diorang. Jadi, berbalik-balik kisah ni jadinya macam, “Jadi GV [Gegar Vaganza] balik aku ni, apa pulak diorang nak viralkan aku lepas ni habislah” *so* [jadi] saya kata, saya fikir *alright* [baiklah], dulu diorang viralkan pasal rambut, *so this time* [pada waktu ini] takde rambut meremang tapi rambut yang berbonjot ada dekat depan saya buat, saya kena cari satu \_ --- [gangguan rangkaian] *you always* [awak sentiasa]. Bila diorang teringat ja ‘All Together Now’, “Kau teringat tak Zur Eda ya ampun dengan *makeup* [solek] dia, rambut yang sebonjot dekat atas macam anjing *poodle* kat atas tu kan” orang akan teringat. Begitu macam GV [Gegar Vaganza] diorang teringat Zur Eda gambar dia macam hantu Kak Limah tu kata dia kan, macam mak lampir diorang viralkan, *it's good* [ia baik] *at least* [sekurang-kurangnya] diorang ingat- diorang ingat tapi saya dah pun maafkan mana yang mengata benda tu *it's nothing* [tidak ada apa] *it's normal* [ia biasa] untuk jadi anak seni *you* [awak] kena tahan telinga, jiwa kena kental, mental kena kental untuk banyak hadapan dengan benda-benda ni *and* [dan] alhamdulillah dekat ‘All Together Now’ saya dapat *top three* [tempat ketiga] saya dapat *the first hundred marks* [seratus markah pertama], *first* [pertama] artis yang dapat *hundred marks* [seratus markah] --- [gangguan rangkaian] untuk lagu ‘I Will Survive’ tu lah,

yang mana yang menjadi juri saya- waktu tu seramai lima puluh [50] juri (menunjukkan kedua telapak tangan). Ada yang guru vokal, ada artis yang baru naik, artis yang baru, DJ radio- ramai *all kind of people, all kind of jury* [banyak jenis orang, banyak jenis juri] yang berlatar belakangkan karier masing-masing lah. Bagi saya, saya terima- memang mungkin diorang pun tak berani kot nak (ketawa sedikit) komen- bagi komen yang- komen waktu tu saya ialah Aina Abdul dan dia seorang yang sangat- saya boleh katakan seorang yang artis punya *responsibility* [tanggungjawab] ada tatatertibnya, pandai berbicara. Dia seorang artis yang sedar *level* [tahap] dia di mana, walaupun nyanyi ni ada budak yang lagi bagus- *even in fact* [malah sebenarnya] Aina Abdul memang bagus kalau *compare* [banding] dengan saya menyanyi, tapi dalam segi banyak faktor dia belajar menyanyi dalam dunia sekarang, saya penyanyi daripada '80an yang tidak ada apa *gadget* [gajet / alatan] yang boleh membantu dan saya masih boleh *sustain* [mengekalkan] *and I'm so-so damn proud* [dan saya sangat-sangat bangga] dengan diri saya, saya bangga jadi diri saya- saya bangga dengan semangat saya. Saya harap saya boleh kekalkan semangatnya dan apa yang saya cerita harini saya harap dapat menjadi pegangan inspirasi kepada anak-anak muda atau mereka-mereka yang- yang akan- yang dah tengok lah wawancara saya ni- sesuatu yang saya dapat kongsi- bila saya dah tak ada mungkin --- [gangguan rangkaian] *go for it* [berusaha untuk medapatkannya], percaya pada diri anda, percaya pada rezeki itu Allah yang punya, usaha.

**AIMN: Untuk soalan akhir, kami nak tanya, apakah harapan puan pada industri nyanyian di negara ini dan sedikit nasihat buat para penyanyi yang masih baru dalam menceburi bidang seni ni?**

**ZE:** Okay *nothing much* [tidak banyak] sebenarnya tapi bagi saya kita penyanyi di Malaysia ni- *yes you can go beyond* [ya anda boleh melampauinya] tetapi dalam masa yang sama kita orang Malaysia, kita ada banyak tanggungjawab, kita ada tanggungjawab kepada diri kita, marwah kita, keluarga kita, rakyat itu sendiri --- [gangguan rangkaian] *so* [jadi] untuk jadi penyanyi bukan senang-senang *you just* [kamu hanya] petik jadi penyanyi. *If you wanna be a singer, be a real good singer* [Jika anda ingin menjadi penyanyi, jadilah penyanyi yang baik]. *Singer* [penyanyi] kalau sekarang ni dah ada

guru-guru vokal, macam dulu kami takde kelas vokal, takde guru yang boleh mengajar kami, takde macam sekarang kita ada ramai guru vokal *you know* [awak tahu], *so* [jadi] berusaha untuk menjadi yang terbaik dari yang terbaik dan kalau boleh anak-anak muda sekarang jagalah ketatasusilaan bila you menggunakan apa *socmed* [media sosial] ni, diorang kata sosial media lah, *socmed* [media sosial] lah, jadi sosial media ni tanggungjawab you juga menjadi kan- *mengeducate* [mengajar] masyarakat sebenarnya *because you* [kerana awak] menjadi tumpuan- *you public figure* [awak tokoh masyarakat], *you* [awak] menjadi tumpuan kepada masyarakat tidak --- [gangguan rangkaian] muka yang tua, jadilah- ambiklah menjadi satu tanggungjawab yang boleh menjadikan- mempengaruhi anak-anak muda ke jalan yang- ke *track* [laluan] yang baik, itu sebenarnya. Jadi kepada penyanyi-penyanyi *in fact* [malah] bukan saja penyanyi, pelakon ataupun siapa-siapa juga yang ingin berada dalam apa bidang *especially* [terutamanya] bidang seni, *you* [awak] kena ada seni dalam diri *you* [awak], jadi anak seni, *you* [awak] kena ada seni dalam diri *you* [awak] dan selebihnya itu you belajar lah biar pun sampai ke negeri China, sekarang dah senang kan nakpi negeri China kan, itu bidalan yang dulu, belajar lah sampai ke negeri China untuk menimba ilmu yang baik yang mana boleh *you* [awak] pengaruh anak muda menjadikan kita satu masyarakat atau negara --- [gangguan rangkaian] punya semangat jati negara yang baik, menjadi negarawan ataupun *citizen* [rakyat] lah- kewarganegaraan yang baik itu dia. Kau rasa aku dah boleh jadi pidato tak kat sini? (ketawa)

**NMS: (ketawa) Boleh, pidato spontan. Jadi tamat lah sesi temu bual secara lisan bersama dengan puan Zur Eda berkaitan dengan industri nyanyian, biografi puan dan kami mengucapkan ribuan terima kasih keatas kesudian dan kerjasama yang puan berikan sepanjang- dengan kami lah dalam wawancara ini dan apa yang kami harapkan, semoga hasil temu bual ni dapat menyumbang kepada perkembangan industri.**

**ZE: Yes** [ya], itu saya yang harapan saya juga, apa yang kita buat ni yang *you all* [awak semua] lakukan ini sangat-sangat terbaik dan saya harap sumbangan- apa yang kita dapat menyumbang ke arah satu yang baik, menjadi *guideline* [garis panduan] ataupun mungkin paling --- [gangguan rangkaian] dan jua untuk generasi atau mereka yang

menonton nanti lah- menjadi orang kata *research* [penyelidikan] untuk orang nak tengok Zur Eda siapa. Terima kasih banyak-banyak menempatkan saya untuk dalam program *you all* [awak semua] ni. Ini mungkin- banyak benda yang kita nak *share* [kongsi] tapi- takpe mungkin nanti ada yang lain nanti.

**NMS: Rasa macam ni pun orang kata terima kasih banyak-banyak dekat puan jugak sebab sudi luangkan masa InsyaAllah tapi puan nak tanya, sebab macam *lecturer* [pensyarah] saya cakap InsyaAllah tahun depan akan ada karnival dekat UiTM Segamat dan kami akan pameran lah hasil-hasil penulisan tesis kami, *and then* [dan kemudian] akan ada banyak artis jadi *lecturer* [pensyarah] tanyalah “Artis-artis korang yang sudi dijemput nanti, kalau boleh datang ke” nanti mana tahu kot kalau puan ada masa kelapangan.**

ZE: InsyaAllah, boleh *contact* [hubung]. Saya memang suka, *you all* [awak semua] dari -- [gangguan rangkaian] dari Segamat ke?

**NMS: Ya, kami dari UiTM Segamat tapi bukan lah asal sana pun.**

ZE: UiTM Segamat *I see* [saya nampak]. Ingatkan ada dekat Kuala Lumpur [Malaysia]. Kalau ada dekat Kuala Lumpur [Malaysia] boleh lah singgah datang makan-makan.

**NMS: Dekat mana kedai- saya tengok dekat *Instagram* [aplikasi media sosial] puan selalu dekat *Insta Story* [aplikasi media sosial].**

ZE: Ya, saya dekat One City Hotel [Kuala Lumpur, Malaysia], dekat *area* [kawasan] One City Mall [Kuala Lumpur, Malaysia].

**NMS: InsyaAllah nanti turun KL [Kuala Lumpur] boleh singgah.**

ZE: Bila nak turun *roger-roger* [maklumkan] je bagitahu.

# LOG TEMUBUAL

## 6. Log Temu Bual

Masa	Perkara	Maklumat
01:57 - 09:54	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lahir pada 24 Ogos 1965</li> <li>• Nama penuh beliau ialah Zuraidah binti Mokhtar</li> <li>• Dilahirkan di Hospital Besar Kuala Lumpur</li> <li>• Beliau merupakan anak pertama daripada tiga adik beradik.</li> <li>• Gemar menghabiskan masa lapang bersama keluarga, berjalan dan memasak.</li> <li>• Beliau pernah menyimpan cita-cita untuk menjadi seorang pramugari dan usahawan.</li> </ul>
09:54 – 13:23	Prinsip hidup	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau lebih kepada kata-kata “Biar pengalaman mengajar kita”. Puan Zur Eda sering mengamalkan sikap tabah dan lebih banyak belajar untuk memantapkan diri.</li> <li>• Sentiasa berdoa dan doa ibu bapa, suami serta anak-anak yang membuatkan beliau masih relevan dalam industri hiburan ini.</li> </ul>
13:23 – 23:23	Keluarga menjadi tulang belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bapa tokoh merupakan seorang kerani dan ibu beliau pula seorang suri rumah tangga.</li> <li>• Beliau sudah mendirikan rumah tangga selama 36 tahun dan dikurniakan tiga cahaya mata, dua orang menantu dan mempunyai empat orang cucu.</li> <li>• Sokongan dan doa daripada keluarga beliau yang menjadi semangat untuk terus berjaya.</li> <li>• Puan Zur Eda lebih mengutamakan keluarga dan suka berkomunikasi secara fizikal.</li> </ul>
23:23 – 30:43	Latar belakang pendidikan tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau mendapat pendidikan di SK Jalan Temerloh, Kuala Lumpur dan SMK Puteri Titiwangsa.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah mendapat tawaran biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Australia selepas habis Tingkatan 5 namun ditolak oleh Puan Zur Eda.</li> </ul>
30:43 – 30:52	Minat menyanyi mula tercetus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Zur Eda mula minat bernyanyi sejak di bangku sekolah lagi.</li> </ul>
30:52 – 34:11	Cabaran ketika mula untuk menjadi penyanyi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu beliau lebih ke arah tidak bersetuju ketika tokoh berhasrat untuk menjadi penyanyi.</li> <li>• Masyarakat zaman dahulu lebih suka jika anak-anak mereka bekerja di bawah agensi kerajaan berbanding swasta kerana masa depan lebih terjamin.</li> </ul>
34:11 – 38:50	Permulaan tokoh menjinakkan diri di dalam bidang nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau mula bernyanyi di kelab-kelab malam.</li> <li>• Jiran-jiran beliau yang terdiri daripada artis-artis legenda turut menjadi faktor untuk beliau mahu menjadi seorang penyanyi.</li> </ul>
38:50 – 40:24	Kemahiran tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh bukan sahaja minat menyanyi tetapi juga memiliki minat yang sangat tinggi dalam bidang memasak.</li> </ul>
40:24 – 44:05	Sikap positif tokoh untuk berjaya walau apa sahaja cabaran yang datang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tokoh tidak bersetuju ketika beliau ingin menjadi penyanyi justeru, Puan Zur Eda merupakan seorang pendendam yang positif dan menyimpan hasrat untuk berjaya lantas mampu membuktikan bahawa sangkaan ibu beliau selama ini adalah salah.</li> <li>• Beliau hanya mengharapkan doa daripada ibu beliau untuk berjaya di bidang ini.</li> <li>• Puan Zur Eda telah berdiri selama 38 tahun sebagai artis dan penyanyi veteran di industri nyanyian negara ini sejak tahun 80an lagi.</li> </ul>



44:06 – 47:46	Idola tokoh sebelum menjadi penyanyi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Allahyarhamah Sharifah Aini dan Uji Rashid merupakan antara penyanyi legenda yang menjadi idola beliau.</li> <li>• Beliau juga banyak mendengar lagu-lagu daripada penyanyi Jazz luar negara.</li> </ul>
47:47 – 52:31	Pekerjaan tokoh sebelum menjadi penyanyi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau suka berniaga bermacam-macam jenis produk.</li> <li>• Pernah menjadi seorang kerani selama 2 tahun di sebuah syarikat berkonsepkan “Rent A Car”.</li> </ul>
52:33 – 57:47	Langkah pertama menjadi penyanyi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawan Puan Zur Eda yang mula membawa beliau untuk menyanyi di kelab.</li> <li>• Tokoh mula untuk membuat kajian berkaitan selera muzik orang kayangan iaitu muzik berirama <i>jazz</i>.</li> <li>• Tokoh lebih bersikap optimistik dan sentiasa berfikir ke arah yang positif.</li> <li>• Menjinakkan diri menyanyi di kelab-kelab syarikat yang ada.</li> <li>• Menyertai <i>Battle of The Band</i>.</li> </ul>
57:49 – 1:01:30	Irama rock kapak mula berkembang di negara pada era 70an	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Wings dan bermacam-macam kumpulan yang bertambah ibarat cendawan tumbuh selepas hujan.</li> <li>• Tokoh sebagai artis yang versatil turut menyanyikan lagu irama rock ketika dahulu.</li> <li>• Nada suara tokoh yang agak unik, beliau telah berjaya merakamkan lagu pertama yang berjudul ‘Pelitaku’</li> </ul>
1:01:31 – 1:03:36	Detik pertama menjadi artis rakaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau sudah mendirikan rumah tangga ketika beliau mula masuk untuk menjadi artis rakaman.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 1987 tokoh telah berjaya merakamkan lagu pertama beliau iaitu 'Pelitaku' bersama dengan ahli kumpulan beliau yang dikenali sebagai The Artstream.</li> <li>• Kumpulan-kumpulan rock juga semakin bertambah dan lagu-lagu irama rock banyak dimainkan di corong-corong radio.</li> </ul>
1:03:37 – 1:07:34	Artis-artis legenda yang memberi motivasi dan inspirasi kepada tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai penyanyi yang versatil, beliau boleh membawa pelbagai irama muzik dan lagu.</li> <li>• Penyanyi dan irama <i>latin</i> yang banyak memberi inspirasi kepada tokoh.</li> </ul>
1:07:36 – 1:13:18	Pendapat tokoh berkaitan industri nyanyian dulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh berpendapat terlalu banyak perbezaan dalam bidang nyanyian di negara ini.</li> <li>• Beliau lebih suka industri nyanyian pada zaman dahulu kerana ia lebih tulen dan merupakan zaman di mana teknologi-teknologi belum berkembang.</li> <li>• Merasai pahit getir, susah payah dalam bertemu dengan para peminat sehingga silaturahmi antara mereka masih utuh sehingga ke harini.</li> <li>• Industri nyanyian pada masa kini banyak yang klon.</li> </ul>
1:13:20 – 1:15:09	Permulaan menjadi penyanyi dengan menyertai ujobakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh menyertai pelbagai ujobakat namun rezeki tidak menyebelahi pihak beliau.</li> <li>• Beliau belajar daripada pengalaman yang lepas untuk terus memperbaiki kemahiran nyanyian beliau.</li> </ul>
1:15:10 – 1:17:40	Situasi di bilik rakaman ketika merakamkan lagu pertama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau harus menyebut perkataan dengan jelas dan penuh emosi agar pendengar mampu lebih menghayati lagu tersebut.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh juga pernah ditegur dan dimarahi oleh produser lagu tersebut kerana sebutan yang tidak seberapa jelas dan bulat.</li> </ul>
1:17:45 – 1:20:15	Tahun pertama mula menyertai ujibakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula mengikuti ujibakat pada tahun 1981 selepas habis sekolah menengah bersama kawan-kawan beliau.</li> </ul>
1:20:18 – 1:22:12	Perjalanan pertama tokoh menjadi artis rakaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh mula berjinak-jinak memasuki industri pada tahun 1986 dan pada 1987, beliau telah berjaya menjadi artis rakaman serta merakamkan album pertama beliau di bawah syarikat rakaman ASP Production.</li> <li>• Tidak lama selepas itu, beliau bertukar ke syarikat rakaman BMG Record dan merakamkan lagu ‘Lama Tak Jumpa’</li> </ul>
1:22:15 – 1:26:53	Individu yang memberi sokongan dan dorongan dalam permulaan penglibatan beliau dalam industri nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru-guru, kawan-kawan, artis legenda seperti Hamzah Dolmat dan kata-kata hikmah daripada Allahyarham Tan Sri P. Ramlee antara individu yang memberi motivasi dan nasihat untuk beliau menjadi penyanyi.</li> </ul>
1:27:10 – 1:31:31	Pengalaman tokoh berhadapan dengan peminat dan <i>netizen</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh terkena tempas dari netizen-netizen ketika beliau menyertai rancangan realiti Televisyen pada tahun 2016.</li> <li>• Beliau memberi kata semangat bahawa “awak kena percaya pada diri sendiri dan jangan tertekan.”</li> <li>• Beliau mendapat banyak surat dari peminat-peminat. Yang penting sekali, peminat-peminat dan keluarga beliau mengetahui diri beliau.</li> </ul>

1:32:05 - 1:37:28	Zaman apabila tokoh membuat lagu dan album pertamanya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk membuat album, bukan macam sekarang.</li> <li>• Untuk jadi artis rakaman, kena ada 10 lagu untuk dijadikan satu album penuh.</li> <li>• Dalam waktu ini, tokoh berkerja dengan satu kumpulan bernama 'Ice Drip' dan suami tokoh ada dalam kumpulan itu.</li> <li>• Tokoh mendapat tajuk lagu 'Pelitaku' dari kawannya. Tokoh mengambil masa hanya tak lebih dua hari untuk selesaikan lirik lagu tersebut.</li> </ul>
1:37:28 – 1:38:20	Popular lagu 'Pelitaku'	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lagu 'Pelitaku' menjadi lagu popular pertama tokoh.</li> <li>• Lagu tersebut sampai sekarang digunakan oleh banyak badan-badan korporat.</li> <li>• Sebuah saluran penyiaran Malaysia memakai lagu itu untuk tema hari guru.</li> </ul>
1:38:20 – 1:40:41	Tekak tokoh dan irama yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peredaran masa menyebabkan tekak tokoh menjadi <i>seasoned</i> ataupun berpengalaman.</li> <li>• Suara akan menjadi besar dan tidak akan boleh menjadi halus.</li> <li>• Tokoh berubah kepada lagu-lagu yang lebih kepada irama-irama 'Bossa'.</li> <li>• Beliau bertukar ke irama yang lebih boleh membantu beliau dalam kerjaya kesinambungannya.</li> </ul>
